

PENGARUH SYI'AH DALAM TASAWWUF DAN TARIQAT

Tasawwuf dengan erti “tazkiatu an-nafs” iaitu pembersihan jiwa dari sifat-sifat yang keji dan menghiaskan diri dengan sifat-sifat terpuji seperti zuhd, tawakkul, taubah, syukur, sabar, yakin, redha, cintakan Allah dan Rasul, muhasabah diri dan lain-lain adalah sebahagian dari ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Allah berfirman:

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾

Bermaksud: “ Sesungguhnya Allah telah mengurniakan nikmat yang sangat besar kepada orang-orang yang beriman bila Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah dan membersihkan mereka serta mengajar mereka Kitab Allah dan Hikmah. Walaupun mereka sebelum itu berada dalam kesesatan yang nyata.”

(Aali Imran: 164)

Oleh itu tiada siapa pun berani menafikannya dan mengingkarinya malah semua umat mesti menerima Rasulullah (s.a.w) sebagai muzakki ulung dan terbaik untuk mereka ikuti panduan dan bimbingannya demi mencapai maqam “ihsan” yang merupakan pelengkap kepada iman dan Islam seseorang. Tasawwuf dengan hakikat seperti ini sama sekali tidak boleh dipisahkan dari Islam, walaupun ia disebutkan dengan nama-nama yang tidak pernah diperkenalkan oleh Rasulullah (s.a.w) sendiri.

Demikian juga dengan orang-orang yang dikenali sebagai ahli sufi atau ahli tasawwuf di sepanjang sejarah Islam, sebahagian besar dari mereka telah memainkan peranan yang cukup bermakna dalam penyebaran dan pengembangan Islam di serata dunia, mereka juga sangat berjasa kepada umat dalam memahami liku-liku jiwa manusia dan dalam memperkenalkan teknik-teknik pemulihan jiwa yang melarat kerana tenggelam dalam maksiat dan dosa. Tidak kurang juga orang-orang yang telah bertaubat dari kehidupan yang melalaikan dan memeluk agama Islam kerana mereka. Maka sumbangan serta jasa-jasa mereka tidaklah patut sama sekali dilupa dan dinistakan.

Sungguhpun begitu mereka sama seperti orang-orang lain tidak terlepas dari tersalah dan tersilap. Apa yang disebut-sebutkan sebagai kata-kata, amalan-amalan dan keramat-keramat mereka mungkin sekali ada di antaranya langsung tidak berasas dan berasal dari mereka. Apa peliknya, bukankah terdapat sekian banyak hadits-hadits palsu yang direka atas nama Rasulullah (s.a.w)?

Tiada syak lagi bahawa tasawwuf yang tersebar hari ini bercampur baur dengan pelbagai fahaman dan konsep asing yang tak pernah diketahui oleh as-Salaf as-Salih dahulu. Kemurniannya tercemar oleh bermacam-macam ajaran agama dan falsafah sejak zaman berzaman lagi, kepada kebanyakan orang amat sukar membezakan di antara tasawwuf tulen dan tasawwuf tiruan atau tasawwuf campuran yang tersebar dengan meluas di mana-mana, terutama di negeri-negeri yang tidak bernasib baik kerana kekurangan penyiaran ilmu hadits yang sistematik.

Lebih mengelirukan lagi bila di sana terdapat alim ulama' sendiri menjadi tekongnya dan kitab-kitab yang dianggap muktabar di kalangan ahli-ahli tasawwuf pula dijadikan rujukan utama, padahal seperti kitab-kitab lain kitab-kitab tasawwuf juga tidak sunyi daripada kenyataan-kenyataan yang menyeleweng dari fakta sebenar dan tersusul dari sunnah Nabi (s.a.w).

Fahaman-fahaman dan ajaran-ajaran asing yang telah meresap masuk ke dalam tasawwuf itu terkadang-kadang cukup ketara sehingga tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Di antara yang paling banyak mempengaruhi tasawwuf kemudian ialah agama Kristian, Hindu, Budha, Neo Platonism, Syi'ah Ismailiyyah, Imamiyyah dan lain-lain.

Risalah ringkas ini walaupun ditulis khusus untuk membincangkan pengaruh Syi'ah dalam tasawwuf dan tariqat namun ia tidak dapat memuatkan kesemuanya lantaran apa yang merupakan pengaruh Syi'ah itu sangat banyak terdapat dalam tasawwuf dan tariqat yang wujud pada hari ini.

Hanya sebagai contoh di sini dikemukakan beberapa fakta dari pengaruh Syi'ah yang dipetik dari kitab-kitab tokoh-tokoh tasawwuf sendiri di samping dikemukakan juga rujukan-rujukan asal dari kitab-kitab Syi'ah yang menunjukkan tempat ambilan dan sumber inspirasi golongan tasawwuf kemudian.

Fakta-fakta yang akan dikemukakan ialah seperti berikut;

1. Silsilah tariqat-tariqat tasawwuf.
2. Pemujaan terhadap Ali.
3. Kepercayaan kepada Imam Mahdi Syi'ah.
4. Para wali mendapat wahyu, dikunjungi malaikat, selalu bercakap cakap dengan Allah dan selalu pula mikraj ke langit.
5. Melebihkan wali dari nabi.
6. Mempercayai para wali maksum.
7. Pangkat-pangkat aulia' Allah.

1. Silsilah Tariqat-Tariqat Tasawwuf

1.1. Di antara bukti bahawa tasawwuf terpengaruh dengan ajaran Syi'ah ialah boleh dikatakan semua silsilah tariqat-tariqat tasawwuf itu sampai kepada Ali (r.a) sama ada melalui Hasan Basri atau anak-cucu Ali (r.a) sendiri yang dipercayai orang-orang Syi'ah sebagai imam-imam mereka. Kenyataan ini dapat dilihat pada silsilah-silsilah tariqat-tariqat Naqsyabandiyyah, Cisytiyyah, Rifa'iyyah, Qadiriyyah, Syaziliyyah dan lain-lain, malah di peringkat atasnya hampir kesemua tariqat-tariqat tersebut silsilah sanadnya sampai kepada imam-imam Syi'ah betul-betul mengikut tertib yang dipercayai mereka.

1.1.1. Silsilah atas yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut;

Ali ar-Ridha (imam kelapan di sisi Syi'ah) memakai khirqah suffiyyah (menerima tariqat) dari ayahnya Musa al-Kazim (imam ketujuh di sisi Syi'ah), beliau menerimanya dari ayahnya Ja'far as-Sadiq (imam keenam di sisi Syi'ah), beliau menerimanya dari ayahnya Muhammad al-Baqir (imam kelima di sisi Syi'ah), beliau menerimanya dari ayahnya Ali Zainal Abidin (imam keempat di sisi Syi'ah), beliau menerimanya dari ayahnya Husain (imam ketiga di sisi Syi'ah), beliau menerimanya dari ayahnya Ali (r.a), (imam pertama Syi'ah), beliau mengambilnya dari Rasulullah (s.a.w).

1.1.2. Ada di antara tokoh-tokoh tasawwuf, demikian juga dengan setengah-setengah sanad silsilah tariqat meletakkan nama Hasan sebelum Husain. Abu al-Faidh al-Manufi berkata; "Sesungguhnya Ali bin Abi Talib telah menerima bai'ah khusus dari Rasulullah (s.a.w). Ali mengajarkan (tariqat itu) kepada anaknya Hasan kemudian kepada Husain." (Jamharatu al-Auliya'-j.1 ms. 89). Ahli sufi terkenal Abu al-Abbas al-Marsi murid kepada as-Syazili berkata; "Tariqat kita ini tidaklah dihubungkan kepada orang-orang timur atau barat, malah ia dihubungkan dari seorang kepada seorang yang lain hingga sampai kepada Hasan bin Ali bin Abi Talib (r.a). Alilah Qutb yang pertama sekali." (As-Sya'rani- At-Tabaqat-j.2. ms. 14).

Apakah gerangan alasan orang-orang sufi menamatkan silsilah-silsilah tariqat mereka dengan Ali (r.a) setelah mereka mengheretnya melalui anak-cucu beliau tadi? Jawabannya boleh dilihat dalam keterangan mereka sendiri.

1.1.3. Abu Talib al-Makki menerangkan, "Itu kerana Alilah yang paling zahid di kalangan sahabat menurut ahli-ahli Tasawwuf." (Lihat Qut al-Qulub-j.1 ms.267). Ali juga merupakan kepala dan qutb maqam futuwah (kesanggupan mengorbankan jiwa). (Tabaqat as-Sya'rani -j.2 ms.92 dan Jami' Usul al-Aulia-Kumusykhawwi, ms. 7). Selain itu Ali dianggap oleh ahli-ahli sufi sebagai wali yang pertama sekali. Daripadanyalah berpindah pangkat kewalian kepada wali-wali lain terus menerus. Beliau juga

mempunyai kedudukan futuwah dan qutbiyyah. Beliaulah yang memakaikan khirqahnya kepada Hasan al-Basri lalu khirqah itu kemudiannya dipakaikan oleh orang-orang sufi kepada pengganti-pengganti dan pewaris-pewaris mereka. (Lihat Awarifu al-Ma'arif-as-Suhrawardi-ms.98, ar-Risalat al-Qusyariyyah j.2 ms. 747, Fawatihu al-Jamal-Najmuddin al-Kubra-ms. 282, al-Anwaru al-Qudsiyyah -as-Sya'rani-ms. 49).

1.1.4. Bahkan dengan lebih tegas dan jelas lagi Muhammad Ma'sum Syirazi yang digelar dengan Ma'sum Ali Syah berkata, "Tak dapat tidak, setiap silsilah tasawwuf sampai kepada Penghulu Sekalian Alam (Nabi s.a.w) dan Amirul Mukminin (Ali r.a)." (Taraiqu al-Haqaiq-j.1 ms. 251).

1.1.5. Fenomena inilah mendorong Ibnu Khaldun dalam Muqaddimahnyanya menganggap orang-orang tasawwuf telah begitu terpengaruh dengan fahaman Syi'ah. Beliau menulis, "Setelah mereka mengadakan pakaian rasmi tasawwuf (khirqah tasawwuf) sebagai asas kepada tariqat dan pegangan, mereka mengaitkannya dengan Ali. Ini juga satu bentuk pengaruh Syi'ah dalam tasawwuf, sedangkan bukanlah Ali telah mendapat keistimewaan melebihi sahabat-sahabat lain baik dalam tariqat, pakaian dan keadaan-keadaan yang lain. Abu Bakar dan Umar adalah sahabat yang paling zahid dan paling kuat beribadat, namun begitu tiada dinukilkan dari sesiapa pun di antara mereka bahawa mereka telah dikhususkan dengan sesuatu ajaran tertentu, malah semua sahabat merupakan ikutan dan contoh tauladan dalam hal-hal keugamaan, kezuhudan dan mujahadah. Pendapat kami disokong oleh perbincangan orang-orang tasawwuf tentang Imam Fatimi (Syi'ah Ismaili) dan mereka penuhi kitab-kitab mereka dengan fahaman Imam Fatimi tersebut apa yang langsung tak pernah disebut oleh orang-orang tasawwuf terdahulu. Sesungguhnya fahaman-fahaman seperti itu hanya diambil mereka dari pelbagai aliran Syi'ah dan Rafidhah." (Muqaddimah Ibnu Khaldun- ms. 473).

1.1.6. Alasan bahawa Ali adalah sahabat paling zahid maka beliaulah wali terulung dan qutb yang pertama sekali disangkal juga oleh Ibnu Taimiyyah sama seperti Ibnu Khaldun. Ketika menyangkal dakwaan Syi'ah bahawa Ali adalah sahabat Nabi (s.a.w) paling zahid, Imam Ibnu Taimiyyah menulis, "Manusia yang paling zahid selepas Rasulullah (s.a.w) menurut ukuran syarak ialah Abu Bakar dan Umar. Ini kerana Abu Bakar telah membelanjakan kesemua harta-benda hasil usahanya di jalan Allah. Umar pula mengiringi Abu Bakar dalam kezuhudan ini. Beliau melebihi Ali dari segi tidak menghiraukan harta-benda dan kenikmatan dunia. Sementara Ali walaupun dengan cara halal telah memiliki banyak harta. Ketika meninggal dunia beliau mempunyai empat orang isteri dan sembilan belas orang ummi walad (hamba sahaya perempuan yang telah melahirkan anak hasil pergaulan dengan beliau) selain khadam dan pelayan-pelayan. Beliau juga meninggalkan dua puluh empat orang anak laki-laki dan perempuan. Selain itu beliau juga telah meninggalkan pesaka untuk mereka berupa harta-benda tetap dan

hartanah membuatkan mereka dianggap sebagai orang-orang senang dan kaya raya di kalangan masyarakat. Ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun yang mempunyai walaupun hanya sedikit ilmu tentang sejarah. Oleh itu jelaslah sudah berdasarkan bukti yang pasti bahawa Abu Bakarlah yang paling zahid dari semua sahabat Nabi (s.a.w) kemudian Umar.” (Minhaju as-Sunnah an-Nabawiyah- Ibnu Taimiyah-j.4 ms.129-131).

1.1.7. Orang-orang sufi mengemukakan lagi alasan membuktikan kelayakan Ali, seterusnya anak-anak cucu beliau untuk menyandang jawatan kewalian tertinggi sama seperti orang-orang Syi’ah yang mengaitkan silsilah Imamah dari beliau kepada mereka. Antara lain mereka mengatakan, “Penyandang maqam Futuwah yang kelapan selepas kenabian dan risalah ialah Ali bin Abi Talib. Beliau telah memeluk agama Islam ketika masih kanak-kanak, ketika muda beliau berjuang di jalan Allah, ketika dewasa dan tua pula Allah meletaknya di maqam Qutb. Darinyalah kedua-dua anaknya Hasan dan Husain mendapat maqam Futuwah yang merupakan setinggi-tinggi maqam kewalian selepas maqam Qutb dan Siddiqiyah yang merupakan kemuncak dari sekalian maqam-maqam.

Di antara bukti futuwah Hasan (r.a) ialah beliau telah mengutamakan khilafah batinah berbanding khilafah zahirah, beliau mengenyahkan khilafah zahirah demi memelihara darah orang-orang Islam dari tertumpah.

Di antara bukti futuwah Husain pula ialah beliau adalah syahid agung di jalan Allah kerana amanah. Sementara Ali pula telah diberi keistimewaan oleh Allah dengan menjadikannya pintu kepada kota ilmu. Rasulullah sendirilah kota ilmu itu. Andaikata jawatan furusiyyah atau walayah mempunyai dua orang pahlawan maka yang pertama dari dua pahlawan itu ialah Ali. Beliau ialah pahlawan pertama umat ini, juga pahlawan di antara para wali. Cukuplah sebagai bukti kepahlawanan beliau, apabila beliau sanggup menggadai nyawa dengan mengambil tempat tidur Rasulullah (s.a.w).” (Jamharatu al-Aulia-Abu al-Faidh al-Manufi-j.1 ms. 89).

1.1.8. Berkenaan dengan khirqah sufiyyah yang dikatakan telah diberi oleh Saiyyidina Ali kepada Hasan Basri sebagai tanda bermulanya silsilah tasauwwuf di alam nyata, demikian juga dengan riwayat yang menyebutkan bahawa Hasan Basri telah memakai khirqah tersebut, semuanya adalah karut dan tidak berasas sama sekali kerana tidak terbukti (menurut pandangan para ulama’ Rijal) pertemuan Hasan dengan Ali. (Lihat Tahzibu at-Tahzib-Ibnu Hajar, Tazkiratu al-Huffaz- az-Zahabi dan lain-lain)

1.1.9. Persoalan yang timbul sekarang ialah kenapa hanya Ali dari sekian ramai sahabat-sahabat Nabi (s.a.w) telah dijadikan paksi dalam penurunan silsilah-silsilah tariqat yang ada pada hari ini?

Sifat-sifat seperti zuhud, sanggup mengorbankan diri (futuwwah) kerana Islam dan Nabi (s.a.w) dan lain-lain ada juga pada lain-lain sahabat, malah dalam sesetengah sifat, mereka jelas melebihi Ali (r.a), tetapi kenapakah mereka diketepikan oleh Nabi (s.a.w)?

Bukankah ini satu bentuk penghinaan terhadap sahabat dan satu cara menyempitkan keluasan budi dan kebijaksanaan Baginda (s.a.w) dalam melahirkan seramai mungkin murid-murid yang berwibawa yang kemudiannya akan bertindak menyebarkan rahmat Allah ke alam rohani umatnya??

Andaikata kita kaitkan segala fenomena tersebut dengan pengaruh Syi'ah yang telah meresap ke dalam tasawwuf, maka tidaklah pelik sekiranya diterima bahawa ini juga termasuk dalam salah satu permainan jahat mereka! Maksud mereka dari semua permainan ini ialah untuk meyakinkan kita bahawa hanya Ali dan anak-cucunya yang dipercayai mereka sebagai imam-imam maksum sahaja dapat membawa umat ke mercu kejayaan rohani. Dan jika beginilah keadaannya kenapakah kita orang-orang Ahli as-Sunnah berasa sukar sangat untuk menggabungkan diri ke dalam kumpulan mereka? Bukankah imam-imam mereka juga adalah imam-imam kita?

2. Pemujaan Terhadap Ali

2.1. Di antara pengaruh Syi'ah dalam tasawwuf yang dapat dikesan dengan banyak sekali di celah-celah kitab-kitab karangan tokoh-tokoh tasawwuf ialah pemujaan terhadap Ali (r.a).

2.1.1. Jalaluddin ar-Rumi seorang sufi Farsi terkenal dalam beberapa rangkap syairnya dengan jelas menggambarkan pandangan mereka dalam soal ini, katanya;

Telah pun ada Ali ketika alam ini mula dibentuk.

Telah pun ada Ali ketika bumi ini dilakar dan masa bermula.

Itulah Ali penakluk yang telah mencabut pintu gerbang benteng Khaibar dengan hanya satu pukulan.

Bila saja ku renungi, ku perhatikan ufuk-ufuk alam.

Yakinlah aku bahawa Ali berada pada segala maujudat.

Orang yang wujudnya sejati, ketiadaannya melenyapkan alam Maujud, itulah dia Ali Sesungguhnya rahsia dua alam zahir dan batin yang tersingkap pada Syams Tabrez, itulah dia Ali.

(Lihat as-Silah Baina at-Tasawwuf Wa at-Tasyayyu' - ms.84-85. Dipetik dari buku Ghazliyyat Syams Tabrezi).

2.1.2. Abdul Wahhab as-Sya'rani menukilkankan kata-kata seorang sufi yang menggambarkan ketinggian maqam Saiyyidina Ali begini, "Sesungguhnya Ali bin Abi Talib telah diangkat (ke langit) sepertimana telah diangkat Isa (a.s) dan beliau akan turun (ke bumi) sepertimana Isa (a.s). Kemudian as-Sya'rani berkata, "Demikian juga kata guruku Ali al-Khawwas (r.a), pernah kudengar beliau berkata, "Sesungguhnya Nuh (a.s) telah menyimpan sekeping papan bahteranya atas nama Ali bin Abi Talib (r.a). Papan itulah yang akan mengangkat beliau ke langit. Papan itu akan terus terpelihara dalam penjagaan Maha Kuasa sehingga ia mengangkat Ali bin Abi Talib (r.a)." (Tabaqat as-Sya'rani-j.2 ms. 44).

2.1.3. Abu al-Faidh al-Manufi menulis, "Ali bin Abi Talib itu adalah kota ilmu, dialah orang yang mula-mula mengambil bai'ah tariqat ini (tariqat wali-wali) dan dialah orang yang mula-mula diajar zikir dan rahsia oleh Rasulullah (s.a.w)." (Jamharatu al-Aulia-j.1 ms. 122)

Di tempat lain beliau menulis, "Orang yang mula-mula menyatakan dan memperkatakan ilmu tasawwuf ini ialah Ali (r.a), diambilnya dari Rasulullah (s.a.w)." (Ibid ms.159)

2.1.4. Ibnu Arabi menyebutkan sebahagian dari keistimewaan Ali mengikut pandangan orang-orang sufi, "Beliau (Ali) adalah ahli ilmu yang memperolehi ilmu dari sisi Allah apa yang tiada diperolehi orang-orang lain." (Al-Futuhah al-Makkiyyah-j.1 ms. 260)

2.1.5. Menurut as-Sya'rani, bila ilmu tariqat dan tasawwuf itu diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada Ali, beliau terus berkata, "Ilmu yang diajar secara sulit kepadaku oleh Rasulullah (s.a.w) itu tidak ada walaupun pada Jibril dan Mikail." (Durar al-Ghawwas-ms. 73)

2.2. Pemujaan terhadap Ali seperti dikemukakan di atas tadi adalah sebahagian dari pengaruh Syi'ah kerana tidak ada satu ajaran yang memuja Ali sampai ke peringkat menuhankannya kecuali ajaran Syi'ah. Cubalah lihat persamaan di antara fahaman tokoh-tokoh tasawwuf tadi tentang Ali dengan fahaman Syi'ah tentang beliau. Adakah anda akan mendapati sebarang perbezaan di antara keduanya?

2.2.1. Sayyid Ali Haydar Naqwi menukilkankan beberapa rangkap syair yang memaparkan dengan jelas tanggapan Syi'ah terhadap Ali (r.a) yang membawa maksud :

*Ali telah memenuhi hajat sekalian rasul
Alilah nakhoda bahtera Nuh*

*Andaikata Ali bukan penyelesai kesulitan
Nescaya tak terlepas-keluarlah Yusoff dari
Telaga di mana dia dilontarkan
Ketika Ibrahim mahukan pertolongan
Alilah Alilah yang memberikan pertolongan
Tiap-tiap satu mukjizat Ali memanglah ganjil
Zat Ali menguasai segala sesuatu*

(Tarikh Aimmah ms.52)

2.2.2. Saiyyidina Ali (r.a) dilaporkan berkata yang membawa maksud;
Akulah yang awal dan yang akhir, akulah yang zahir dan akulah yang batin, akulah
pewaris bumi...(Rijal al-Kasysyi- ms.211, Mulla Baqir al-Majlisi-Biharul Anwar-j.39
ms.347)

Sedangkan yang awal dan yang akhir, yang zahir dan yang batin, demikian juga dengan
yang mewarisi bumi, semua ini adalah sifat-sifat Allah yang tak mungkin dikongsi oleh
sesiapa pun. Allah berfirman:

﴿هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Bermaksud: “Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin.”
(Al-Hadid: 2)

Allah berfirman lagi:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَرِثُ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا﴾

Bermaksud: “Kamilah pewaris bumi dan sekalian makhluk yang ada di atasnya.”
(Maryam: 40)

2.2.3. Khomeini di dalam bukunya “Walayat Faqih” menulis bahawa;

“Para imam mempunyai kekuasaan terhadap alam semesta, tunduk kepada kekuasaan
mereka itu semua zarah alam semesta ini.”

3. Kepercayaan Kepada Imam Mahdi Syi’ah.

3.1. Menurut Syi’ah Imamiyyah Itsna as-Syariyyah, Imam Mahdi ialah imam yang kedua
belas bernama Muhammad bin Hasan al-Askari.

3.1.1. Orang-orang Syi'ah mempercayai Imam Mahdi mereka telah ghaib pada tahun 260 H ketika berumur lima tahun hingga tahun 328 H. Kehaiban itu menurut istilah mereka adalah keghaiban kecil (ghaibah sughra). Dalam tempoh ini Imam Mahdi dikatakan masih boleh ditemui lagi oleh orang-orang tertentu, tetapi setelah itu beliau tidak ditemui sesiapa lagi, malah menurut mereka Imam Mahdi telah melantik orang-orang tertentu sebagai wakil-wakilnya untuk dihubungi.

3.1.2. Sementara ahli-ahli sejarah, baik dari kalangan Ahli as-Sunnah mahupun Syi'ah bersepakat bahawa Muhammad bin Hasan al-Askari yang dipercayai sebagai Imam Mahdi itu tidak pernah dilahirkan sama sekali. Riwayat yang paling kuat dan paling kukuh untuk dijadikan hujah ialah yang telah dikemukakan oleh al-Kulaini dan lain-lain tokoh sejarah Syi'ah bahawa, " Apabila Hasan al-Askari dikebumikan, pihak pemerintah mencari anaknya yang dikatakan baru dilahirkan, setelah sekian lama pencarian dan pemeriksaan ke atas keluarganya di rumah-rumah mereka dilakukan dengan teliti dan saksama di samping pihak pemerintah juga telah menugaskan pengawal-pengawal untuk memastikan keadaan seorang sahaya yang dikatakan telah mengandungkan anak Hasan al-Askari. Mereka juga tidak terus bertindak membahagikan pesaka peninggalan beliau sehinggalah terbukti dengan jelas bahawa sahaya itu tidak hamil, barulah pesakanya dibahagikan di antara ibu dan saudaranya bernama Ja'far. Selain itu ibu beliau juga mendakwa bahawa anaknya Hasan al-Askari ada meninggalkan wasiat. Dakwaan itu dianggap sah oleh qadhi." (Kitab al-Hujjah Min al-Kafi-j.1 ms.505, al-Irsyad-Syaikh Mufid ms.339, A'laam al-Wara- at-Tabarsi 377-378, Jilaa al-'Uyun -Mulla Baqir al-Majlisi dan lain-lain)

3.2. Dalam hal ini juga orang-orang tasawwuf mengikuti jejak langkah Syi'ah kerana mereka mendakwa sama seperti orang-orang Syi'ah bahawa Hasan al-Askari mempunyai anak laki-laki bernama Muhammad, ia akan muncul sebagai Imam Mahdi betul-betul seperti yang terdapat dalam aqidah Syi'ah.

3.2.1. Abdul Wahhab as-Sya'rani menulis, "Di sanalah ditunggu kemunculan al-Mahdi (a.s), beliau ialah anak Hasan al-Askari dilahirkan pada malam Nisfu Sya'ban tahun dua ratus lima puluh lima (255 H). Beliau akan terus hidup hingga bertemu dengan Isa putera Maryam (a.s). Jadi umurnya hingga sekarang iaitu tahun sembilan ratus lima puluh lapan (958 H) ialah tujuh ratus enam tahun. Demikianlah cerita syaikh Hasan al-Iraqi kepada saya. Guru saya Saiyyidi Ali al-Khawwas (r.a) telah bersetuju dengan beliau." (Al-Yawaqit Wa al-Jawahir Fi Bayani 'Aqaidi al-Akabir-j.2 ms. 143)

3.2.2. Syaikh Muhyuddin Ibnu Arabi pula dalam Futuhatnya pada bab ketiga ratus enam puluh enam menulis, "Ketahuilah bahawa al-Mahdi (a.s) pasti muncul namun beliau tidak

akan muncul sehinggalah dunia ini dipenuhi dengan kezaliman dan kekejaman lalu dipenuhinya bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan. Kalau umur dunia telah tinggal hanya sehari sahaja lagi Allah tetap akan memanjangkannya untuk diperintah oleh khalifah itu. Beliau dari kalangan keluarga Rasulullah (s.a.w) melalui anaknya Fatimah (r.a). Datuknya yang teratas ialah Husain bin Ali bin Abi Talib. Ayah beliau ialah Hasan al-Askari bin Imam Ali an-Naqi bin Muhammad at-Taqi bin Imam Ali ar-Ridha bin Imam Musa al-Kazim bin Imam Ja'far as-Sadiq bin Imam Muhammad al-Baqir bin Imam Zainal Abidin Ali bin Imam Husain bin Imam Ali bin Abi Talib (r.a).”

3.2.3. Pengikut-pengikut tariqat Rifa'iyah juga menerima konsep Imam Dua Belas yang diperkenalkan oleh Syi'ah di mana mereka menganggap ar-Rifa'i sebagai imam yang ketiga belas selepas imam kedua belas yang dianggap Syi'ah sebagai al-Mahdi, padahal seperti telah sama-sama diketahui imam kedua belas itu tak pernah wujud sama sekali.

3.2.4. Seorang sufi besar Abu az-Zafar Zahiruddin al-Qadiri pula berkata, “Maqam qutb adalah hak Imam Dua Belas secara mutlak dan untuk orang-orang sesudah mereka secara niabah (gantian).”

3.2.5. Kenyataan tokoh-tokoh tasawwuf tersebut dengan jelas membuktikan betapa tasawwuf dan tariqat telah diresapi oleh fahaman Syi'ah, meskipun kebanyakan para pengikutnya tiada menyedari hakikat ini.

3.3. Dalam keterangan di atas anda telah pun melihat bagaimana tokoh-tokoh tasawwuf menerima imam kedua belas Syi'ah sebagai Imam Mahdi yang di tunggu-tunggu tepat seperti kepercayaan orang-orang Syi'ah tetapi kebanyakan pengikut-pengikut tasawwuf tentu akan keberatan untuk menerima hakikat itu kerana ia jelas mencerminkan fahaman Syi'ah yang telah ditolak oleh para ulama'. Maka dicetuskanlah berbagai-bagai penyelesaian yang sengaja dicari sebagai ganti kepada fahaman di atas untuk mengelak dari berlakunya kontroversi di kalangan pengikut dan untuk menutup pekung di dada.

3.3.1. Pada ketika itulah mula dikemukakan teori kehidupan Khadhir hingga ke akhir zaman.

3.3.1.1. Khadhir dipercayai sebagai seorang manusia ghaib yang luar biasa kemampuannya, beliau seringkali memberikan bantuan kepada orang-orang tersesat jalan, beliau sering juga muncul sebagai mursyid di alam rohani, malah beliau juga dikatakan tempat rujukan kepada orang-orang yang buntu dalam pengalaman tariqatnya.

3.3.1.2. Walaupun umur Khadhir telah menjangkau dua ribu tahun atau lebih lagi dari itu namun beliau masih lagi hidup tak pernah mati. Pendek kata beliau adalah salah satu keajaiban alam ciptaan tuhan.

3.3.1.3. Teori kehidupan Khadhir asalanya dikemukakan sebagai jalan untuk menyelesaikan satu kebuntuan tetapi ia menyebabkan orang-orang yang mengikutinya akan berada di satu jalan lain yang juga membawa kepada kebuntuan, ini kerana Syi'ah selalu berhujah dengan mengatakan, "Apalah yang menghairankan sangat kalau kami mempercayai Imam Mahdi iaitu imam kedua belas kami masih hidup! Dia masih lagi membimbing dan memberi bantuan kepada pengikut-pengikutnya. Bukankah kamu juga percaya Khadhir masih hidup? Padahal umurnya jauh lebih tua dari Imam Mahdi yang kami percayai. Kalau Allah berkuasa memanjangkan umur Khadhir selain dari menyembunyikannya dari penglihatan orang ramai, kenapakah pula Dia tidak berkuasa memanjangkan umur al-Mahdi dan menyembunyikannya seperti Khadhir dari penglihatan orang ramai?"

Seolah-seolahnya teori kehidupan Khadhir juga merupakan hasil ciptaan golongan Syi'ah yang bermaksud membuktikan kelojikan teori al-Mahdi yang diperkenalkan mereka!!

4. Para Wali Mendapat Wahyu, Dikunjungi Malaikat, Selalu Bercakap-Cakap Dengan Allah Dan Selalu Pula Mi'raj Ke Langit.

4.1. Dalam perkara ini juga orang-orang tasawwuf tidak berbeza dari orang-orang Syi'ah, seolah-olahnya mereka menceduk terus dari sumber-sumber Syi'ah. Apa yang berbeza hanyalah lafaz imam ditukarkan dengan lafaz wali. Perlu sekali diingat bahawa perkataan wali menurut Syi'ah adalah sinonim kepada perkataan imam!

4.1.1. Syaikh Akbar Muhyuddin Ibnu Arabi dalam menyangkal pendapat al-Ghazali berkata, "Sesungguhnya al-Ghazali telah tersalah kerana membezakan di antara turunya malaikat kepada nabi dan wali sedangkan kedua-duanya sama-sama dikunjungi malaikat." (Al-Ibriz- Abdul Aziz ad-Dabbagh- ms. 151).

4.1.2. Dalam hal ini asy-Sya'rani menyokong kuat pandangan Ibnu Arabi, beliau menulis, "Kalau engkau katakan, sesungguhnya al-Ghazali dalam buku beliau ada menyebut bahawa "perbezaan di antara turunya wahyu ke atas hati para nabi dan hati para wali ialah adanya kunjungan malaikat. Seseorang wali itu boleh diberikan ilham tetapi malaikat sama sekali tidak turun kepadanya, berlainan dengan nabi kerana semestinya wahyu yang dikirim dibawakan oleh malaikat", tetapi adakah itu benar? Jawapannya ialah seperti telah diberikan oleh Syaikh (Ibnu Arabi) dalam bab ketiga ratus enam puluh empat bahawa itu salah....

Syaikh berkata, “Punca kesalahan al-Ghazali dan orang-orang lain yang tidak dapat menerima kedatangan malaikat kepada wali ialah ketiadaan zauq. Ini kerana mereka menyangka yang mereka telah pun merentasi semua maqam dengan suluk mereka, namun begitu tidak pun kelihatan Malaikat Ilham datang, maka teruslah mereka menafikannya dan mengkhususkannya dengan para nabi. Zauq mereka itu benar hanya keputusan mereka sahaja tidak benar. Meskipun begitu mereka juga sama seperti orang-orang lain berpendapat bahawa tambahan orang tsiqah boleh diterima dan wali-wali Allah itu semuanya tsiqah (boleh diterima). Beliau berkata lagi, “Sekiranya Abu Hamid (Imam al-Ghazali) dan lain-lain di zaman masing-masing sempat bertemu dengan seorang wali yang sempurna dan wali itu menceritakan pula kepada mereka tentang turunnya malaikat kepada wali tentu mereka akan menerimanya dan tidak membantahnya.” Seterusnya beliau (Ibnu Arabi) berkata, “Alhamdulillah kami telah dikunjungi malaikat.” (Al-Yawaqit Wa al-Jawahir- asy-Sya’rani-j.2 ms.85)

4.1.3. Ad-Dabbagh dengan lebih jelas lagi mendedahkan persoalan ini, kata beliau, “Ada pun perbezaan di antara nabi dan wali yang disebut-sebutkan iaitu nabi didatangi malaikat tidak wali, maka itu adalah tidak benar kerana orang yang dibukakan hijab sama ada wali atau nabi pasti akan dapat menyaksikan diri malaikat dalam rupa mereka di samping dapat pula berbicara dengan para malaikat itu. Setiap orang yang mengatakan wali tidak dapat menyaksikan malaikat dan tidak juga dapat bercakap-cakap dengan mereka, maka itu menunjukkan bahawa dia seorang yang tidak dibuka hijab.” (Al-Ibriz-ad-Dabbagh- ms.151)

4.1.4. An-Nafzi ar-Randi menukilkan kata-kata seorang syaikh, “Bahawa malaikat menziarahiku dan aku bermesra dengannya. Para malaikat memberi salam kepadaku dan aku mendengar salam mereka.” (Ghaisu al-Mawahibi al-Aliyyah- an-Nafzi ar-Randi-j.1 ms. 262)

4.1.5. Bukan sembarangan malaikat mengunjungi orang-orang sufi malah malaikat Jibril juga mengunjungi mereka. Asy-Sya’rani menukilkan cerita dari Syaikh Abdul Ghaffar bahawa beliau di dalam bukunya bernama al-Wahid menulis, “Bahawa bila ada seseorang mengemukakan sesuatu hajat kepada Syaikh Tajuddin bin Sya’ban beliau akan berkata kepadanya, “Sabarlah sehingga datang Jibril.” (Al-Akhlaq al-Matbuliyyah- asy-Sya’rani-j.1 ms. 454)

4.1.6. Ibnu Arabi juga mengungkapkan beberapa rangkap syair di dalam buku beliau Mawaqi’u an-Nujum di mana dinyatakan bahawa ar-Ruh al-Quds (Jibril) turun ke atas hati Wali Qutb, begini bunyinya yang membawa maksud;

*Inilah maqam sebenar (maqam qutb) dan inilah rahsiannya
Hijab terangkat bersinar-sinar cahayanya
Hilal kesempurnaan kelihatan terang kepada
Yang memandang, hilanglah kegelapan
Ruh al-Quds turun ke hatinya
Pada hari 'Urubah maka sempurnalah segala hajatnya.*

4.1.7. Untuk apakah para malaikat turun kepada wali? Marilah kita ikuti jawapannya. Ad-Dabbagh berkata, “Malaikat turun kepada wali membawa perintah dan larangan.” (Al-Ibriz –ms. 151)

Asy-Sya’rani berkata, “Hati mereka menjadi tempat turun wahyu.” As-Suhrawardi pula menyatakan dengan lebih jelas iaitu para wali mendengar kalam Allah. Kata beliau, “Bila sifat ini mantap pada seseorang sufi maka waktunya menjadi sarmadi, syuhudnya abadi, mendengarnya akan sentiasa dan berterusan. Dia akan mendengar kalam Allah (s.w.t).” (‘Awarifu al-Ma’arif ms. 27)

4.1.8. Dakwaan boleh bercakap-cakap dengan Allah bukanlah sesuatu yang asing bagi orang-orang tasawwuf. Entahlah! Agak sukar untuk memastikan sama ada tokoh-tokoh tasawwuf yang terkemuka benar-benar mendakwa demikian atau hanya pengikut-pengikutnya sahaja mengaitkan dakwaan-dakwaannya seperti itu dengan mereka.

4.1.8.1. Orang-orang sufi meriwayatkan dari al-Junaid bahawa beliau berkata, “Selama tiga puluh tahun aku bercakap-cakap dengan Allah.” (Tabaqat asy-Sya’rani-j.1 ms. 200)

4.1.8.2. Diriwayatkan dari seorang sufi terkenal Sahal bin Abdullah at-Tusturi bahawa beliau berkata, “Aku selama tiga puluh tahun bercakap-cakap dengan Allah, orang ramai pula menyangka aku bercakap dengan mereka.” (At-Ta’arruf Limazhabi Ahli at-Tasawwuf- Kalabazi- ms. 172)

4.1.8.3. Asy-Sya’rani menukulkan dari Ali al-Khawas bahawa beliau berkata, “Sesungguhnya aku mendengar sisi Ibrahim al-Matbuli selalu berkata, “Selama tiga puluh tahun aku berada di hadrat Allah dan tidak keluar-keluar darinya, setiap patah percakapanku merupakan percakapan dengan Allah al-Haq (s.w.t).”

4.1.8.4. Pengikut-pengikut tariqat Rifa’iyyah tidak mahu pengasasnya kelihatan lebih rendah dari orang lain, terus mereka nukulkan sekian banyak kisah-kisah perbualan dan munajat yang telah berlaku di antara beliau dengan Allah. Antara lain mereka nukulkan cerita dari Sayyid Ibrahim Bujang, beliau berkata, “Pernah saya duduk di dalam sebuah bilik bersama Sayyid Ahmad ar-Rifa’i (r.a), ketika itu kepala beliau sedang tersangkut pada dua lutut beliau, tiba-tiba beliau mengangkat kepala lalu ketawa dengan sekuat-

kuatnya. Aku pun turut ketawa kemudian aku mendesak beliau supaya menceritakan kepadaku sebab ketawanya maka dia berkata, “Wahai Ibrahim! Tuhan telah berseru kepadaku bahawa “Aku akan meruntuhkan bumi dan menghempapkannya dengan langit.” Bila aku mendengar seruan itu, aku kehairanan lantas aku berkata, “Tuhanku! Siapakah yang dapat menggalangMu dalam kerajaan dan kehendakMu?”

Sidi Ibrahim menceritakan, “Selepas itu Sayyid Ahmad ar-Rifa’i pun menggeletar lalu tersungkur ke bumi, teruslah beliau berada dalam keadaan itu hingga beberapa lama.” (Qiladatu al-Jawahir Fi Zikri ar-Rifa’i Wa Atba’ihi al-Akabir- Sayyid Muhammad Abi al-Huda ar-Rifa’i -ms.180)

4.1.8.5. Bila pengikut-pengikut tariqat Syaziliyyah mengetahui tentang ketinggian kedudukan pengasas tariqat Rifa’iyyah kerana beliau dapat bercakap-cakap dengan Allah, mereka juga tidak mahu ketinggalan dalam bab ini, terus saja mereka mengada-adakan cerita bahawa pengasas tariqat kita bukan sahaja telah bercakap dengan Tuhan malah Allahlah yang meletak nama beliau demikian. Bekas syaikh al-Azhar Dr.Abdul Halim Mahmud ketika menukilkan kisah bagaimana Abul Hasan asy-Syazili turun dari bukit Zaghwan meninggalkan tempat khalwatnya, menceritakan, “Abul Hasan asy-Syazili berkata;

“Dikatakan kepadaku, “Wahai Ali! Turunlah kepada orang ramai supaya mereka dapat mengambil manafa’at denganmu.” Aku berkata, “Oh Tuhanku! Bawalah aku pergi jauh dari manusia, tidak mampu aku bergaul dengan mereka.” Dikatakan kepadaku, “Turunlah, Ku sertakan bersamamu keselamatan. Ku hindarkan darimu celaan.” Aku berkata, “Adakah engkau akan membiarkan daku kepada manusia agar ku makan cebisan duit mereka?” Dikatakan kepadaku, “Berbelanjalah wahai Ali, bukankah Aku Maha Kaya? Sama ada engkau belanjakan dari poketmu atau engkau belanjakan dari (alam) ghaib.”

Turunlah Syazili dari atas bukit meninggalkan Syazilah demi menempuhi marhalah baru. Sampai di situ berakhirlah marhalah pertama yang telah digariskan oleh gurunya untuknya.

Sebelum berangkat bersama beliau dari Syazilah ke pengembaraan barunya ingin kami sebut apa yang diceritakan oleh beliau tentang nisbahnya kepada Syazilah, cerita beliau:

“Saya bertanya, “Oh Tuhanku! Kenapakah engkau namakan aku Syazili padahal aku bukan orang Syazilah?” Dikatakan kepadaku, “Wahai Ali, Aku tidak namakan engkau Syazili. Sebenarnya engkau ialah asy-Syazzu li! Yakni seorang yang ganjil dan pelik

dalam khidmat dan cinta kepadaku.” (Al-Madrasatu al-Haditsah asy-Syaziliyyah Wa Imamuha Abul Hasan asy-Syazili-Dr.Abdul Halim Mahmud-ms.34-35)

4.1.9. Berhubung dengan mi'raj orang-orang sufi ke langit bahkan ke Arasy ar-Rahman bukan juga sesuatu yang aneh kepada mereka.

4.1.9.1. Ibnu Qadhibi al-Ban menceritakan pengalaman dirinya mi'raj ke langit begini;

“Al-Haq (Tuhan) telah meletakkan aku di atas hamparan israk.... Aku pun naik ke langit pertama....kemudian kami naik ke langit kedua....kemudian kami sampai ke langit ketujuh.... Di sana ada satu malaikat sedang duduk di atas kerusi dari cahaya..... Di langit itu juga ada Ridhwan penjaga syurga, dialah malaikat tercantik di kalangannya. Di situ juga ada Israfil ketua alam jabarut, dialah yang menyampaikan berita gembira kepadaku tentang kehampiranku dengan Tuhan dan kedudukan muliaku di sisiNya di samping kebertuahanku di akhirat nanti justeru akan dapat memberikan syafa'at kepada umat Muhammad (s.a.w). Pada langit ketujuh ini kami melihat Ibrahim al-Khalil (a.s) sedang bersandar ke Baitil Makmur..... kemudian kami sampai kepada tujuh puluh hijab yang lain... sehinggalah aku sampai ke hijab terakhir di sana. Rupa-rupanya di situ ada kerusi dari lukluk tegak di atas kaki dari permata yaqut merah dan zabarjad hijau.....Tiba-tiba hijab itu tersingkap lalu dibenarkan aku masuk. Setelah masuk ke dalam ku nampak para nabi berdiri bersaf-saf diiringi para malaikat. Di antara sekian ramai nabi-nabi itu kulihat yang paling hampir darinya dengan Tuhan ialah empat orang. Kulihat dari kalangan umat Muhammad para walilah yang paling hampir dengannya. Baginda (s.a.w) pula paling hampir dengan Allah, yang paling hampir dari kalangan wali-wali itu dengan Nabi (s.a.w) ialah empat orang. Di antara mereka yang kukenali ialah Sayyid Muhyuddin Abdul Qadir. Dialah membawa aku ke pintu hijab sambil memegang lenganku sehingga aku sampai dekat Nabi (s.a.w). Baginda menghulurkan tangan kanan Baginda kepadaku, akupun menyambutnya dengan kedua-dua tanganku. Nabi (s.a.w) terus menarik aku dan menghampirkan aku kepada Tuhan sehingga tiada sesiapa lagi di antaraku dan Tuhanku. Bila telah jelas kelihatan Tuhanku kepadaku dan aku nampak Dia dalam rupa Nabi. Cuma Dia paling serupa dengan ais dari sekian banyak benda-benda yang terdapat di alam wujud ini tanpa berselendang dan berkain. Bila ku letakkan bibirku di salah satu tempat darinya untuk mengucupNya, ku rasakan kesejukan seperti ais (s.w.t). Hampir aku tersungkur pengsan tetapi terus aku dipegang oleh penghulu kita Muhammad (s.a.w).” (Al-Mawaqifu al-Ilahiyyah ms. 164-169)

4.1.9.2. Ibnu Arabi menceritakan pengalaman mikrajnya tak ubah seperti yang dialami Rasulullah (s.a.w). Kata beliau, “Ketika saya sedang tidur tetapi rahsia wujud saya pula sedang berjaga dan berdiri, tiba-tiba datang kepadaku utusan taufiq untuk memimpinku ke jalan yang betul. Bersamanya ada buraq ikhlas. Buraq itu berbulu kejayaan dan

berkekang keikhlasan. Utusan tersebut membuka bumbung rumahku lalu merombak dan membuhulku. Dadaku dibelah dengan pisau sakinah dan dikatakan kepadaku, “Bersedialah untuk menaiki pangkat yang kukuh. Diletakkan jantungku dalam satu sapu tangan agar aku terpelihara dari perubahan lalu dimasukkan ke dalam ketul keredhaan dan disirami dengan sumber qadha (ketetapan), dibuangkan pula darinya habuan syaitan dan dibasuh pula dengan air. Sesungguhnya hamba-hambaku tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka...Kemudian dibawakan kepadaku arak dan susu lalu kuminum warisan kesempurnaan susu, kutinggalkan arak kerana bimbang akan terdedah rahsia oleh kemabukan.....” (Kitab al-Israk Min Rasail Ibn Arabi ms. 18)

4.1.9.3. Abdul Karim al-Jili juga menyebutkan peristiwa mikrajnya di samping penyaksian Sidratul Muntaha dan tajalliyat Tuhan yang dialami beliau sendiri di dalam bukunya yang terkenal “Al-Insanul Kamil.” (Lihat-j.2 ms. 12-13)

4.2. Salah satu sasaran serangan Syi’ah ialah aqidah Khatmi an-Nubuwwah. Melalui aqidah al-Imamah dan al-Walayah Syi’ah seolah-olah mahu membuktikan bahawa jika Nabi Muhammad (s.a.w) benar-benar nabi terakhir, kenapakah masih ada lagi orang-orang yang mendapat wahyu, dikunjungi malaikat dan mempunyai mukjizat-mukjizat seperti Baginda (s.a.w) atau lebih hebat lagi dari itu? Maka kita dapat mengesan dengan banyak sekali riwayat-riwayat yang menyatakan Ali atau orang-orang lain yang dianggap sebagai imam mendapat wahyu, dikunjungi malaikat dan mempunyai mukjizat-mukjizat lain walaupun keistimewaan-keistimewaan yang dikaitkan dengan mereka dinamakan keramat dan sebagainya tetapi hakikatnya adalah sama. Sekarang marilah sama-sama kita perhatikan beberapa petikan riwayat Syi’ah yang merupakan sumber inspirasi kepada orang-orang sufi dalam perkara ini agar dapat anda pastikan dari mana dan apakah punca pegangan orang-orang sufi dalam beberapa perkara yang menyentuh persoalan aqidah.

4.2.1. Guru al-Kulaini, beliau terbilang salah seorang sahabat imam kesebelas Hasan al-Askari menurut Syi’ah bernama Muhammad bin Hasan as-Saffar telah mengumpulkan sekian banyak riwayat dalam kitab sahihnya Bashairu ad-Darajat demi membuktikan turunnya wahyu dan malaikat kepada imam-imam mereka. Beliau menukulkan riwayat-riwayat tersebut di bawah beberapa tajuk dalam bab-bab yang berlainan. Antara lain beliau mengetengahkan riwayat dari Humran bin A’yan bahawa beliau berkata, “Aku berkata kepada Abu Abdillah (Ja’far as-Shadiq) (a.s), “Semoga diriku dijadikan tebusan untukmu, saya mendapat tahu bahawa Allah (s.w.t) telah bercakap-cakap dengan Ali (a.s)? Beliau berkata, “Memang benar telah berlaku munajat di antara keduanya di Taif. Jibril telah turun sebagai penghubung di antara Allah dan Ali.” (Lihat-j.8. bab keenam belas ms. 430)

4.2.2. As-Shaffar meriwayatkan lagi dari Abi Rafi' katanya, "Setelah Rasulullah (s.a.w) memanggil Ali pada hari Khaibar, Baginda (s.a.w) meludah ke dalam kedua matanya seraya berkata, "Bila engkau selesai menakluki Khaibar nanti, berdirilah di antara orang ramai kerana Allah memerintah aku demikian." Abu Rafi' berkata, "Maka pergilah Ali dan aku ikut bersamanya. Pada keesokan paginya beliau berjaya menakluki Khaibar lalu berdiri agak lama di antara orang ramai maka berkatalah orang-orang (yang menyaksikan peristiwa itu), "Sesungguhnya Ali sedang bermunajat dengan Tuhan." Beberapa ketika kemudian beliau memerintahkan supaya dirampas harta benda bandar yang ditakluk itu. Abu Rafi' berkata, setelah itu aku pun pergi kepada Rasulullah (s.a.w) dan menceritakan kepada Baginda bahawa, "Ali (a.s) telah berdiri di antara orang ramai mengikut perintahmu. Ada di antara yang hadir berkata, "Bahawa Allah telah bermunajat dengan beliau." Nabi (s.a.w) lantas menyahut, "Ya, memang benar wahai Aba Rafi' sesungguhnya Allah telah bermunajat dengannya pada hari Taif, hari Aqabah, hari Hunain dan pada hari dimandikan Rasulullah (s.a.w)." (Ibid 431)

4.2.3. Keistimewaan ini bukan khusus dengan Ali sahaja bahkan ia juga merupakan ciri keistimewaan kedua-dua belas imam mereka. As-Shaffar di dalam juz kesembilan dari kitabnya di bawah tajuk (Bab kelima belas tentang para imam (a.s) jika perlu dapat bertemu ruh al-Quds), menukilkan beberapa riwayat, antara lain dari Asbat.

4.2.3.1. Asbat bertanya Abu Abdillah Ja'far as-Shadiq, "Adakah berlaku kamu tidak mempunyai pengetahuan tentang sesuatu yang ditanyakan kepada kamu?" Jawab Abu Abdillah, "Kadang-kadang ada." Asbat bertanya lagi, "Pada ketika itu apakah yang akan kamu lakukan?" Beliau menjawab, "Ruh al-Quds (Jibril) akan mengemukakan kepada kami jawapannya." (Bashairu ad-Darajat-j.9 ms. 475)

4.2.3.2. Di bawah tajuk (Bab ruh yang Allah sebutkan di dalam kitabnya) "Dan demikianlah kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) ruh (wahyu) dengan perintah kami..." As-Shaffar mengemukakan satu riwayat dari Abi Bashir katanya, "Aku berkata kepada Abi Abdillah (a.s) semoga diriku dijadikan tebusan untukmu, apakah gerangan yang dimaksudkan dengan ruh di dalam firman Allah ini (Surah asy-Syura-52)?" Maka beliau pun menjawab, "Wahai Aba Muhammad ! Itu adalah satu kejadian. Demi Allah! Ia lebih agung dari Jibril dan Mikail. Ia pernah bersama-sama Rasulullah (s.a.w) untuk menyampaikan perkhabaran dan memperbetulkan keadaan Baginda (s.a.w). Ia juga ada bersama-sama para imam untuk menyampaikan perkhabaran dan memperbetulkan keadaan mereka." (Bashairu ad-Darajat -j.9 ms. 475)

4.2.3.3. Al-Kulaini juga tidak ketinggalan dalam meriwayatkan perkara ini di dalam al-Kafinya, beliau mengemukakan riwayat dari Asbat bin Salim katanya, "Ada seorang lelaki bertanya Abi Abdillah (a.s) tentang firman Allah (s.w.t) yang membawa maksud

“Dan demikianlah kami wahyukan kepadamu ruh dengan perintah kami...” Maka beliau pun menjawab, “Semenjak Allah (s.w.t) menurunkan ruh itu kepada Muhammad (s.a.w) ia tiada naik-naik lagi ke langit. Sesungguhnya sekarang ia berada pada kami.”

Dalam satu riwayat lain disebutkan, “Dulu ia berada bersama Rasulullah untuk menyampaikan perkhabaran dan memperbetulkan keadaan Baginda. Sesudah Rasulullah ia berada bersama-sama para imam.” (Al-Kafi Fi al-Usul -j.1 ms. 273)

4.3. Persamaan yang terdapat pada Syi’ah dan orang-orang sufi dalam soal ini telah membuahkan hasil yang sama di mana pengikut-pengikut masing-masing begitu setia dan patuh kepada anutannya lantaran ajaran dan arahan yang diperolehi dari imam atau wali itu dipercayai datangnya dari Allah, para malaikat pula sentiasa mengawasi dan memperbetulkan keadaan imam-imam atau wali-wali yang menjadi ikutan mereka. Maka mana mungkin ikutan-ikutan itu tersasul dan menyeleweng dari kehendak Allah dan kenapakah pula mereka tidak harus mengikut amalan-amalan dengan kaifiat-kaifiat tertentu yang diajarkan oleh imam-imam atau syaikh-syaikh tasawwuf walaupun tidak terdapat dalam sunnah Nabi (s.a.w)? Tentu sekali apa-apa yang datang terus dari Allah tidak termasuk dalam perkara bid’ah!

5. Melebihkan Wali Dari Nabi

5.1. Tokoh-tokoh sufi seperti Abu Yazid al-Bistami dan lain-lain dilaporkan berkata, “Kami (syaikh-syaikh sufi) telah mengharungi lautan yang mana para nabi telah berhenti di tepi pantainya.” (Al-Ibriz ad-Dabbahg- ms. 276, Jamharatu al-Auliya al-Manufi-j.1 ms. 266. Tabaqat-asy-Sya’rani-j.2 ms.16, al-Insanu al-Kamil al-Jili-j.1 ms. 124, al-Futuhat al-Ilahiyyah-Ibnu Ajibah-ms. 261)

5.2. Mereka juga dilaporkan berkata, “Wahai para nabi! Diberikan kepada kamu gelaran sedangkan kepada kami diberikan apa yang tidak diberikan kepadamu.” (Al-Insanu al-Kamil-al-Jili-j.1.ms. 124)

5.3. Orang-orang sufi menukilkan bahawa al-Bistami berkata, “Demi Allah! Sesungguhnya benderaku lebih besar dari bendera Muhammad (s.a.w). Benderaku dari cahaya, di bawahnya berada jin-jin dan manusia. Semuanya dari kalangan nabi-nabi.” (Lathafu al- Minan Wa al-Akhlaq- as-Sya’rani-j.1 ms. 125)

5.4. Seperti orang-orang sufi juga, golongan Syi’ah mempercayai para imam mereka lebih tinggi maqamnya dari maqam nabi-nabi dan rasul-rasul. Kenyataan ini boleh

didapati dengan banyak sekali di dalam kitab-kitab muktabar mereka. Inilah sebenarnya punca kepada pegangan orang-orang tasawwuf.

5.4.1. Al-Kulaini meriwayatkan dari Ja'far bin Muhammad al-Baqir bahawa beliau berkata, "Allah telah menjadikan Ibrahim sebagai hamba sebelum menjadikannya sebagai nabi dan Allah menjadikannya sebagai nabi sebelum menjadikannya sebagai rasul. Allah menjadikannya sebagai rasul sebelum menjadikannya sebagai khalil dan Allah menjadikannya sebagai khalil sebelum menjadikannya sebagai imam." (Al-Kafi Fi al-Usul-j.1 ms.175)

5.4.2. Al-Kulaini meriwayatkan lagi dari Saif at-Tammar bahawa beliau berkata, "Kami pernah bersama Abi Abdillah (a.s) dalam satu kumpulan di hijir Ismail, maka Abu Abdillah berkata, "Adakah mata-mata gelap mengikut kita?" Kami pun berpaling ke kanan dan ke kiri, tidak kelihatan kepada kami sesiapa pun. Maka beliau pun berkata, "Demi Tuhan Ka'bah! Demi Tuhan binaan ini (3 kali)! Kiranya aku berada di antara Musa dan Khadir (a.s) tentu aku menceritakan kepada mereka berdua bahawa aku lebih alim dari mereka dan tentu aku nyatakan apa yang tidak diketahui mereka. Sesungguhnya mereka telah dikurniakan ilmu tentang masa lampau, tidak dikurniakan kepada mereka ilmu tentang apa yang akan terjadi dan apa yang akan berlaku sampai hari kiamat." (Al-Kafi Fi al-Usul -j.1 m.s 261)

6. Mempercayai Para Wali Maksim Sepertimana Kepercayaan Orang- Orang Syi'ah Terhadap Imam-Imam Mereka.

6.1. Golongan Syi'ah sememangnya mempercayai imam-imam mereka maksim (terpelihara) dari segala dosa dan kesalahan bahkan maksim dari terlalai dan terlupa.

6.1.1. At-Tusi dan al-Qummi di dalam buku masing-masing menulis, "Sesungguhnya imam itu mestilah maksim." (Talkhis asy-Syafi- at-Tusi-j.1 m.s 181. Kamalu ad-Din Wa Tamamu an-Ni'mah- Ibnu Babwaih al-Qummi-j.1 ms. 10)

6.1.2. Ibnu Babwaih al-Qummi yang digelar dengan Syaikh as-Shaduk berkata, "Kepercayaan kita tentang para nabi, rasul, imam dan malaikat (a.s) ialah mereka maksim dan dibersihkan dari segala kekotoran, mereka tidak melakukan dosa baik kecil maupun besar. Mereka tidak menderhakai perintah Allah malah melakukan apa-apa yang diperintahkan. Sesiapa menafikan sifat 'ismah pada mereka dalam apa jua keadaan mereka sebenarnya dia tidak mengenali mereka dan sesiapa yang tidak mengenali mereka maka dia adalah kafir." (I'tiqadat as-Shaduq ms.108)

6.1.3. Mulla Baqir al-Majlisi yang dianggap sebagai penutup ulama' hadits Syi'ah menulis, "Syarat kedua pada imam ialah maksum. Ijmak telah berlaku di kalangan Imamiyyah bahawa imam sama seperti nabi maksum dari segala dosa besar dan kecil dari awal kehidupannya hinggalah ke akhir hayatnya. Hadits-hadits berhubung dengan masalah ini telah sampai ke peringkat mutawatir." (Haqqu al-Yaqin- al-Majlisi ms. 39)

6.1.4. Syaikh Muhammad Ridha al-Muzaffar di dalam bukunya "Aqaid al-Imamiyyah" menegaskan bahawa di antara aqidah golongan Imamiyyah ialah imam itu mestilah maksum (terpelihara) daripada kelalaian, tersalah dan terlupa." (ms. 72)

6.1.5. Ayatullah Khomeini juga sependapat dengan orang-orang yang tersebut di atas. Dia berkata, "Kita tidak dapat menggambarkan para imam itu lupa dan lalai." (Al-Hukumah al-Islamiyyah ms. 91)

6.2. Sekarang mari pula kita lihat bagaimana orang-orang sufi mengikuti jejak langkah Syi'ah sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta seperti telah disebutkan oleh Nabi (s.a.w) sendiri.

6.2.1. Seorang yang telah digelar dengan gelaran Syaikh Akbar di kalangan ahli-ahli tasawwuf iaitu Ibnu Arabi telah menggunakan perkataan 'ismah sebagai satu ciri khusus yang ada pada nabi dan juga wali. Beliau berkata, "Sesungguhnya di antara syarat imam batin (wali) ialah dia maksum." (Al-Futuh al-Makkiyyah- Ibnu Arabi-j.3 ms.183)

6.2.2. Seorang lagi ikutan orang-orang sufi yang sangat masyhur Abu al-Hasan asy-Syazili berkata, " Di antara ciri khusus (wali) qutb ialah Allah melimpahkan rahmat, 'ismah (keterpeliharaan dari dosa), khilafah dan niabah kepadanya." (Kitab al-Qasd- asy-Syazili -dipetik dari buku as-Silah Baina at-Tasawwuf Wa at-Tasyayyu'-j.1 ms. 417)

6.2.3. Syaikh orang-orang sufi juga pengarang sejarah tokoh-tokoh sufi Abu Abdul Rahman as-Sulami di dalam bukunya "Tabaqat as-Sufiyyah" meriwayatkan dari Abu Bakar Muhammad ad-Dinawari bahawa beliau telah ditanya tentang alamat seorang sufi, maka beliau menjawab, "Iaitu orang yang sibuk dengan apa yang lebih utama dan maksum (terpelihara) dari segala sifat tercela." (ms.109)

6.2.4. Kisah-kisah syaikh-syaikh sufi berdialog dengan syaitan dan dapat mengalahkannya demikian juga kisah-kisah keterpeliharaan mereka dari melakukan maksiat yang begitu banyak tersebar di dalam buku-buku tasawwuf menunjukkan betapa mereka maksum pada pandangan ahli-ahli tasawwuf. Apa lagi jika dilihat kepada komentar yang dibuat terhadap kisah-kisah tersebut oleh syaikh-syaikh tasawwuf sendiri.

Sebagai contoh kami akan mengutarakan di sini beberapa kisah yang selalu disebut-sebut.

6.2.4.1. Diceritakan bahawa Junaid berkata, “Pernah saya bercita-cita melihat iblis (laknatullah). Pada suatu hari saya berdiri di pintu masjid, tiba-tiba ada seorang syaikh datang dari jauh menuju ke arah saya. Bila saya melihatnya jiwa saya berasa cemas dan bila dia telah menghampiri saya, terus saja saya bertanya, “Siapakah tuan wahai syaikh? Mata saya tidak mampu melihat wajahmu kerana dahsyat dan hati saya pula tidak berdaya memikirkan tentangmu kerana hebat. Syaikh itu menjawab, “Akulah orang yang engkau cita-citakan untuk melihatnya.” Saya pun berkata, “Wahai terkutuk! Apakah yang menghalangmu dari bersujud kepada Adam?” Dia berkata, “Wahai Junaid! Bagaimana engkau dapat bayangkan aku bersujud kepada selainNya.” Berkata Junaid, “Maka tercenganglah aku mendengar kata-katanya itu, lantas saya diseru (terdengar suara) dalam batin saya berbunyi, “Katakan kepadanya, engkau bohong. Kalau engkau benar-benar hambaNya tentu engkau tidak akan melanggar perintah dan laranganNya.” Mendengar seruan dari hatiku dia terus bertempik sambil berkata, “Demi Allah! Engkau telah membakarku,” dan dia pun terus menghilangkan diri.”

Al-Hijwairi mengulas kisah yang berlaku kepada Junaid ini dengan katanya, “Kisah ini menunjukkan keterpeliharaan dan ‘ismah beliau, kerana Allah (s.w.t) memelihara para waliNya dalam semua keadaan dari tipu daya syaitan.”

6.2.4.2. Seorang pengikut tariqat Rifa’iyyah menukikan dari ar-Rifa’i bahawa beliau menceritakan, “Syaikh Ya’qub bercerita kepadaku, “Aku pernah melihat syaitan di pintu rumahku, aku bercadang memukulnya, terus dia berkata, “Wahai Ya’qub, kamu orang-orang adil. Di dalam rumahmu sendiri ada emas dan perak (wang dinar dan dirham) sedangkan keduanya itu adalah hak aku. Bagaimana tidak akan kudatang ke rumahmu?” (Qiladatu al-Jawahir- Muhammad Abi al-Huda ar-Rifa’i- ms.135)

6.2.4.3. Ibnu ‘Ajibah di dalam Futuhatnya mengemukakan kisah yang berlaku kepada salah seorang gurunya diceritakan oleh guru itu sendiri katanya, “Pada suatu hari aku ternampak seseorang yang aku berasa cantik, terus mataku menerima tamparan lalu ia mengalir di pipiku. Aku mengaduh, maka dikatakan kepadaku, “Satu tamparan kerana satu pandangan. Jika engkau melihat lagi, kami akan menambahkan lagi tamparan.” (Al-Futuhat al-Ilahiyyah ms.163)

Kisah-kisah ini menunjukkan para wali itu memang dipercayai maksum sehingga jika seseorang dari mereka tersalah pandang saja kepada seseorang atau sesuatu dengan rasa berkeinginan, terus dia dihalang.

7. Pangkat-Pangkat Aulia Allah

7.1. Kerana terpengaruh dengan golongan Syi'ah Ismailiyyah, Nusairiyyah dan Imamiyyah orang-orang tasawwuf telah menentukan pula pangkat-pangkat untuk para wali. Sebahagian besar dari pangkat-pangkat itu tetap memakai nama asal seperti yang terpakai dalam ajaran asalnya. Sebahagian yang lain pula diberi nama yang cukup jelas menunjukkan betapa ajaran tasawwuf telah terpengaruh dengan Syi'ah.

7.1.1. Menurut al-Hijwairi para wali itu terbahagi kepada beberapa kumpulan, iaitu;

- (1) Ahlu al-Hal Wa al-Aqd
- (2) Panglima-panglima Allah
- (3) Tiga ratus orang dipanggil al-Akhyar
- (4) Empat puluh yang lain dipanggil Abdal
- (5) Tujuh orang dari mereka dipanggil Abrar
- (6) Empat orang dipanggil Autad
- (7) Tiga yang lain dipanggil Nuqaba
- (8) Seorang sahaja dari mereka dipanggil Qutb atau Ghauts.

Mereka ini mengenali satu sama lain. Dalam urusan mereka saling memerlukan keizinan untuk melaksanakannya. (Kasyfu al-Mahjub- ms. 447-448)

7.1.2. Al-Jurjani pula menyebut begini;

(1) Qutb ialah Ghauts iaitu seorang yang merupakan tempat perhatian Allah di alam ini pada setiap zaman dan tempat. Dia berada di atas hati Israil.

(2) Al-Imaman ialah dua orang. Seorang darinya berada di sebelah kanan Ghauts. Pandangannya adalah kepada alam malakut dan seorang lagi berada di sebelah kirinya. Perhatiannya ialah kepada mulk. Kedudukannya lebih tinggi dari kawannya, dialah yang menggantikan Ghauts.

(3) Autad terdiri dari empat orang. Kedudukan mereka ialah pada empat bucu alam, timur, barat, utara, selatan. Masing-masing mereka menguasai bucu tersebut.

(4) Budala'. Mereka tujuh orang. Setiap orang dari mereka bila pergi ke mana-mana pasti meninggalkan satu tubuh yang serupa dengannya supaya tidak ada sesiapa menyedari ketiadaannya. Mereka berada di atas hati Ibrahim (a.s).

(5) Nujaba. Empat puluh orang. Mereka sibuk memikul beban makhluk. Mereka hanya menguruskan hal-hal orang lain.

(6) Nuqaba. Merekalah yang mengeluarkan rahsia-rahsia diri manusia. Mereka terdiri dari tiga ratus orang. (At-Ta'rifat-al-Jurjani)

7.1.3. Maulana Asyraf Ali at-Thanawi pula membuat penjelasan tentang perkara ini dengan lebih terperinci. Katanya, "Para wali itu terbahagi kepada dua belas kumpulan iaitu;

(1) Abdal (2) Abrar (3) Akhyar (4) Aqtab (5) Imamain (6) Autad (7) Imad (8) Ghauts (9) Mufradan (10) Maktuman (11) Nujaba' (12) Nuqaba'

1. Abdal. Ada empat puluh orang, dua puluh dua orang atau dua belas orang berada di Syam dan lapan belas atau dua puluh lapan di Iraq.

2. Abrar. Kebanyakan ulama' mengatakan merekalah juga Abdal.

3. Akhyar. Mereka berjumlah lima ratus atau tujuh ratus orang. Mereka tidak tetap di suatu tempat, selalu mengembara. Nama mereka Husain.

4. Aqtab. Qutb Alam hanya ada seorang, dia dipanggil juga Qutb Akbar, Qutb Irsyad, Qutb Aqtab dan al-Madar. Namanya di alam ghaib ialah Abdullah. Menterinya ada dua orang yang dipanggil Imamain. Menteri kanan bernama Abdul Malik dan menteri kiri pula bernama Abdul Rabb. Di sana ada lagi dua belas Qutb yang lain, tujuh darinya berada di tujuh iklim. Nama mereka Qutb Iklim. Lima di Yaman dipanggil Qutb Wilayah. Bilangan ini ialah bilangan Qutb Khusus. Qutb tidak khusus ada pada setiap bandar dan kampung.

5. Autad. Ada empat orang. Mereka berada di empat bucu alam.

6. Imad. Juga ada empat orang. Mereka berada di empat penjuru bumi. Semua mereka bernama Muhammad.

7. Ghauts. Hanya ada seorang sahaja. Sesetengah ahli tasawwuf menganggap Qutbul Aqtab itulah juga Ghauts, sebahagian yang lain pula mengatakan dia lain dari Qutbul Aqtab. Dia berada di Makkah.

8. Mufradan. Apabila Ghauts naik pangkat, dia menjadi Fard dan apabila Fard pula naik pangkat, maka dia menjadi Qutb Wahdah.

9. Maktuman. Mereka sememangnya tersembunyi.

10. Nujaba. Tujuh puluh orang kesemuanya, mereka tinggal di Mesir. Semua mereka bernama Hasan.

11. Nuqaba. Ada tiga ratus orang. Mereka tinggal di Maghribi. Semua mereka bernama Ali. (Asyrafu at-Tariqah Fi as- Syari'ah Wa at-Tariqah- ms. 395-396)

7.2. Imam Ibnu Taimiyyah menyangkal semua khurafat yang berpunca dari Syi'ah itu dengan katanya; "Nama-nama yang teredar di kalangan ahli-ahli ibadat dan orang-orang awam seperti Ghauts yang berada di Makkah, empat Autad, tujuh Aqtab, empat puluh Abdal, tiga ratus Nujaba dan lain-lain semuanya tidak terdapat di dalam al-Quran, tidak juga ia dinukilkan dari Nabi (s.a.w) baik dengan sanad sahih atau dengan sanad daif kecuali perkataan Abdal, kerana ada satu hadis yang terputus sanadnya diriwayatkan dari Ali bin Abi Talib secara marfuk kepada Nabi (s.a.w) bahawa Baginda bersabda, "Sesungguhnya di kalangan mereka (penduduk Syam) ada Abdal seramai empat puluh orang. Bila saja seorang dari mereka meninggal dunia Allah gantikannya dengan seorang yang lain."

Nama-nama mengikut tertib tersebut ini tidak ditemui dalam perbincangan salaf. Ini semua menyerupai dakwaan golongan Rafidhah yang mendakwa, "Bahawa di setiap zaman mesti ada Imam Maksud merupakan hujah Allah kepada orang-orang mukallaf yang mana iman seseorang tidak sempurna melainkan dengan mempercayainya. Dakwaan bahawa para wali berada dalam pangkat-pangkat seperti telah disebut itu dari beberapa sudut menyerupai dakwaan golongan Rafidhah, bahkan tertib dan bilangan tersebut dari sesetengah sudut menyerupai tertib yang dibuat oleh golongan Syi'ah Ismailiyyah dan Nusairiyyah yang langsung tidak ada buktinya di dalam Kitab Allah. (Majmu'atu Fatawa Ibnu Taimiyyah-j.11 ms. 433- 434 & 439)

Penutup:

Sebelum ini telah dikemukakan beberapa fakta tentang penyelewengan dan kesesatan yang terdapat dalam konsep dan ajaran tasawwuf akibat dari pengaruh Syi'ah yang telah meresap masuk ke dalamnya.

Tentulah banyak sekali persoalan yang timbul hasil dari pembentangan fakta-fakta yang dipetik langsung dari kitab-kitab muktabar di sisi ahli-ahli tasawwuf itu. Antara lain ialah jika begitulah sebenarnya ajaran tasawwuf, maka kenapakah terdapat agak ramai ulama'

dari pelbagai bidang termasuk ulama' hadis telah menggabungkan diri ke dalam tariqat-tariqat tertentu? Dan adakah mereka tidak mengetahui tentang pengaruh-pengaruh asing yang telah merobek ajaran tasawwuf asal sebegitu rupa?

Pada pandangan penulis, para ulama' yang menerima baik tariqat-tariqat tasawwuf yang tersiar di zaman masing-masing tentu menganggap tidak ada apa-apa masalah pada silsilah-silsilah tariqat itu walaupun terdapat peribadi-peribadi yang dianggap sebagai imam oleh golongan Syi'ah. Barangkali pada mereka itu hanya satu kebetulan dan mereka pula bukan mengambilnya melalui orang-orang Syi'ah. Penyelewengan dan kesesatan yang terdapat di celah-celah kitab-kitab tasawwuf itu tiada bezanya dengan yang terdapat di dalam kitab-kitab ilmu-ilmu lain. Apakah kerana adanya sedikit sebanyak kekarutan, pengaruh-pengaruh asing di dalamnya maka kita patut meninggalkannya terus? Adapun kenyataan-kenyataan berbau Syi'ah atau berunsur konsep-konsep asing yang bercanggah dengan aqidah Islam yang dinukilkan dari tokoh-tokoh tasawwuf itu, berkemungkinan ia tidak ada kena mengena langsung dengan mereka.

Biar apa pun alasan diberikan atau pembelaan dikemukakan, semuanya tetap disandar kepada sangka baik semata-mata, kerana bukankah dengan meragui sebahagian isi kandungan sesebuah kitab yang telah diakui semua orang sebagai tulisan seseorang pengarang akan membawa kepada keseluruhan isi kitab tersebut diragui? Terutama apabila seseorang pengarang telah menulis beberapa buah kitab yang kesemuanya memuatkan kenyataan yang sama.

Ya, mungkin juga orang-orang yang cukup alim dapat menyelamatkan diri dari kecelakaan pengaruh yang menggoyah aqidah itu, tetapi bagaimana dengan orang-orang biasa? Orang-orang yang sering kali disaksikan bila terlibat dengan tasawwuf dan tariqat akhirnya terjebak sama ada ke dalam gaung ajaran sesat atau terjerumus ke alam orang-orang yang tidak siaman. Kalau begitu untuk apakah kita mendedahkan diri kepada bahaya yang bukan kepalang besarnya itu? Apakah al-Quran dan as-Sunnah yang ada pada kita umat Islam belum mencukupi untuk mendekatkan kita kepada Allah??

Persoalan tentang imam-imam Syi'ah dalam silsilah tasawwuf, juga bai'ah Hasan Basri dengan Ali (r.a) masih tetap tergantung. Soalnya kenapakah hanya itu sahaja jalan yang ada untuk sampainya ajaran tasawwuf warisan Nabi (s.a.w) kepada umat?

Sebenarnya tasawwuf warisan Nabi (s.a.w) tidak ada selain dari yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah yang sahih. Itulah tasawwuf semulajadi yang murni yang tidak membahayakan penggunaanya di samping menyuburkan pula rohani manusia secara seimbang. Sementara wali Allah pula ialah orang-orang yang beriman dan benar-benar

bertaqwa kepada Allah walaupun dia tidak bergelar sufi atau mengikuti mana-mana tariqat.

Allah berfirman:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدَاهُمْ أَقْتَدِهِ﴾

Bermaksud: “Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka ikutlah petunjuk mereka.”

(Al-An'am: 91)

MENYINGKAP RAHSIA DI SEBALIK KEJADIAN NUR MUHAMMAD

Banyak sekali terdapat dalam kitab-kitab tasawwuf, sirah dan maulid kenyataan yang menunjukkan bahawa kejadian pertama alam semesta ini adalah Nur Muhammad. Kenyataan seperti ini telah menimbulkan banyak pula fahaman-fahaman lain berhubung

dengan Rasulullah (s.a.w). Seperti Rasulullah (s.a.w) tidak mempunyai bayang dan tergilagilanya perempuan-perempuan kepada ayahanda Nabi (s.a.w) ketika Nur Muhammad dikatakan memancar di dahinya sehingga menyebabkan mereka mati dan sebagainya.

Ia juga mendekati kepada konsep *Nur Panjtan* (Nabi Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan dan Husain) yang dikatakan berlegar-legar mengelilingi Arasy sebelum kejadian alam semesta selama 50,000 tahun mengikut ajaran Syi'ah. Ia juga merupakan punca kesesatan golongan Barelwi yang mempercayai bahawa Nabi Muhammad bukannya seorang manusia biasa dari segi kejadian asalnya tetapi kejadiannya berbeza dari yang lain kerana ia adalah Nur yang terpancar daripada Nur Allah. Untuk ini banyak sekali ayat-ayat al-Quran ditakwilkan dengan sewenang-wenang dan banyak pula hadits-hadits yang sahih diketepikan atau diabaikan langsung.

BEBERAPA VERSI TENTANG KEJADIAN NUR MUHAMMAD

Walaupun pengarang kitab-kitab sirah dan maulid dan juga pengarang-pengarang kitab-kitab tasawwuf itu mengemukakan riwayat tentang Nur Muhammad tetapi tidak pula mereka menyatakan sanadnya di samping tidak diketahui langsung punca-puncunya yang boleh dipertanggungjawabkan. Kalaupun ada hanyalah satu hadits yang dikatakan telah dikemukakan oleh Abdul Razak dalam Musannafnya, insya-Allah akan diterangkan kemudian. Tetapi yang anehnya banyak lagi perincian yang tidak terdapat di dalam hadits Abdul Razak itu tentang Nur Muhammad dapat kita lihat dalam riwayat-riwayat yang dikemukakan mereka.

Versi Pertama Riwayat Nur Muhammad:

Sebagai contohnya dapat kita lihat pada muka surat pertama lagi daripada kitab *Madaariju as-Su'ud* karangan Muhammad Nawawi Banten, syarah kepada kitab *Maulid Nabawi* karangan Syed Jaafar yang lebih dikenali sebagai *al-Barzanji*. Kitab tersebut dibuka dengan puji-pujian kepada Allah yang telah memulakan wujud ini dengan Nur Muhammad yang meresap dalam segala perkara yang ditakdirkan Allah sebelum diciptanya langit dan bumi selama 50,000 tahun.

Kata Ka'bul Ahbar, "Bila Allah hendak menjadikan sekalian maujudat dengan merendahkan bumi dan meninggikan langit-langit, maka Dia menggenggam satu genggam daripada NurNya. Dia pun berkata kepada segenggam NurNya itu, "Jadilah engkau Muhammad." Maka ia pun menjadi satu tiang daripada Nur yang berkilau-kilau sampai kepada hijab kegelapan lalu Nur itu pun bersujud seraya berkata, "Segala puji bagi Allah." Maka Allah berfirman, "Untuk itulah Kuciptakan engkau dan Kunamakan engkau

Muhammad. Daripadamulah Aku memulakan kejadian makhluk ini dan denganmulah Aku menyudahi Rasul-Rasul.” Kemudian sesungguhnya Allah membahagikan NurNya itu kepada 4 bahagian pula. Daripada bahagian pertama dijadikanNya Lauh (Luh Mahfuz), daripada yang kedua dijadikannya Qalam. Kemudian Allah berfirman kepada Qalam, “Tulislah.” Maka menggegetarlah Qalam itu selama 1,000 tahun justru hebatnya perintah Allah kepadanya itu. Kemudian Qalam berkata, “Apakah yang perlu kutulis?” Allah berfirman, “Tulislah Laailaha Illallah Muhammadur Rasulullah.” Maka Qalam itu pun menulislah apa yang diperintahkan dan setelah itu ia mengikut ilmu Allah (dengan menulis) berhubung dengan makhlukNya.

Qalam menulis, “Wahai anak-anak Adam daripada sulbinya! Sesiapa yang taat kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam syurga dan sesiapa yang derhaka kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam neraka. Wahai umat Nuh! Sesiapa yang taat kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam syurga dan sesiapa yang derhaka akan dimasukkanNya ke dalam neraka. Wahai umat Ibrahim! Sesiapa yang taat kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam syurga dan sesiapa yang derhaka akan dimasukkanNya ke dalam neraka. Wahai umat Musa! Sesiapa yang taat kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam syurga dan sesiapa yang derhaka akan dimasukkanNya ke dalam neraka. Wahai umat Muhammad! Sesiapa yang taat kepada Allah akan dimasukkanNya ke dalam syurga dan sesiapa yang derhaka kepada Allah...” Qalam sudah hampir menulis akan dimasukkanNya ke dalam neraka tiba-tiba terdengar seruan daripada Tuhan Yang Maha Tinggi, “Wahai Qalam! Beradablah.” Maka pecahlah Qalam itu kerana kehebatan Allah dan tertulis noktah dengan tangan Qudrat. Kerana itulah pada kebiasaannya setiap qalam tidak menulis melainkan dalam keadaan terpecah-pecah dan berbintik-bintik dan Tuhan pun berkata kepadanya, “Tulislah umat yang berdosa dan Tuhan Yang Pengampun.”

Kemudian daripada bahagian yang ketiga daripada Nur Muhammad itu Allah menjadikan Arasy. Bahagian yang keempat pula dibahagikan kepada empat bahagian. Yang pertama daripadanya dijadikan Akal dan yang kedua dijadikan Ma’rifat dan yang ketiga dijadikan Nur Arasy, Cahaya Penglihatan dan Cahaya Siang. Semua Nur-Nur ini adalah daripada Nur Muhammad. Oleh itu Nur Muhammad adalah makhluk yang terawal dari segala-galanya yang dijadikan Tuhan.

Sementara bahagian yang keempat daripada empat bahagian itu pula disimpan di bawah Arasy sehingga Allah ‘Azzawajalla menjadikan Adam dan diperintahkan malaikat supaya bersujud kepadanya. Adam dimasukkan ke dalam syurga, ketika itu malaikat berdiri di bahagian belakang Adam bersaf-saf. Mereka memandang kepada Nur Muhammad lalu berkatalah Adam, “Wahai Tuhan! Kenapakah malaikat ini berdiri di belakangku bersaf-saf?” Allah berkata, “Wahai Adam! Mereka memandang kepada Nur Kekasihku (Muhammad) penyudah sekalian Rasul yang akan Ku keluarkan daripada belakangmu.”

Berkatalah Adam, “Wahai Tuhan! Letakkanlah Nur itu di sebelah hadapanku supaya malaikat mengadapku.” Maka Allah pun meletakkannya di dahinya. Pada ketika itu para malaikat pun berdiri mengadap wajah Adam lalu Adam pun berkata, “Wahai Tuhan! Letakkanlah Nur ini di suatu tempat yang dapat aku melihatnya.”

Maka Allah pun meletakkan Nur Muhammad itu di jari telunjuknya. Adam melihat kepada kecantikan Nur itu, maka bertambah-tambahlah kecantikan dan serinya. Adam mendengar Nur itu bertasbih dengan tasbih yang agung. Kemudian Nur itu berpindah daripada Adam kepada Hawa. Adam melihat Nur itu pada wajah Hawa bagai matahari yang bersinar-sinar. Kemudian Hawa melahirkan rasul yang mula-mula daripada anak Adam iaitu Syith. Maka hilanglah Nur itu daripada wajah Hawa, berpindah pulalah ia kepada Syith. Adam berjanji kepada Syith agar tidak diletakkannya Nur itu melainkan pada perempuan-perempuan yang suci. Kemudian terus berpindah-pindahlah Nur itu daripada seorang lelaki mulia kepada seorang lelaki mulia yang lain dan daripada seorang perempuan yang suci kepada seorang perempuan suci yang lain hinggalah ia sampai kepada sulbi Abdullah bin Abdul Mutalib. Kemudian Allah mengeluarkannya ke dunia lalu dijadikanNya penghulu sekalian Rasul dan penyudah sekalian Nabi, dijadikannya rahmat kepada sekalian alam dan pemimpin kepada orang-orang yang bertuah.

Versi Kedua Riwayat Nur Muhammad:

Contoh yang kedua pula dapat kita lihat di dalam kitab-kitab seperti *Daqaa'iqu al-Akhbar Fi Zikri al-Jannati Wa an-Nar* karangan Abdul Rahim bin Ahmad al-Qadhi, *Kasyfu al-Ghaibiah* sebuah kitab jawi karangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fathaani dan lain-lain di mana disebutkan di dalam helaian pertamanya lagi tentang kejadian Nur Muhammad itu tetapi ia jauh berbeza daripada apa yang terdapat di dalam kitab *Madariju as-Su'ud* tadi, begini bunyinya;

Bab Yang Pertama Pada Menyatakan Kejadian Roh Agung Iaitu Nur Penghulu Kita Dan Nabi Kita Muhammad (S.A.W)

Tersebut di dalam hadits bahawasanya Allah telah menjadikan satu pohon kayu yang mempunyai empat dahan. Pohon kayu itu dinamakan “*Syajaratu al-Muttaqin*”. Dalam setengah riwayat tersebut “*Syajaratu al-Yaqin*”. Kemudian ia menjadikan Nur Muhammad di dalam hijab daripada permata yang sangat putih seperti rupa burung merak dan diletakkan burung merak itu di atas pohon tadi, maka bertasbihlah Nur itu di atas pohon tadi selama 70,000 tahun. Setelah itu Allah menjadikan cermin malu, diletakkan cermin itu berhadapan dengannya. Bila burung merak itu menilik dirinya di dalam cermin itu, dilihatnya rupanya sangat cantik dan sangat elok. Maka malulah ia kepada Allah Taala lalu berpeluh dan bertitiklah daripadanya enam titik peluh. Daripada

titik yang pertama Allah jadikan roh Abu Bakar ra. Dan daripada titik yang kedua dijadikan roh Umar ra. Daripada titik yang ketiga dijadikan roh Utsman ra. Dan daripada titik yang keempat dijadikan roh Ali ra. Daripada titik yang kelima dijadikan pokok bunga ros dan daripada titik yang keenam dijadikan padi.

Setelah itu bersujudlah Nur Muhammad itu sebanyak lima kali. Lima kali sujud itu merupakan fardhu yang ditentukan oleh Allah (s.w.t) berupa sembahyang lima waktu ke atas Nabi Muhammad dan ke atas umatnya.

Kemudian Allah menilik pula kepada Nur itu, maka berpeluhlah ia kerana malu kepada Allah. Daripada peluh hidungnya Allah menjadikan malaikat, daripada peluh mukanya Allah menjadikan Arasy, Qursi, Lauh, Qalam, matahari, bulan, hijab, segala bintang dan segala sesuatu yang terdapat di langit. Daripada peluh dadanya Allah menjadikan sekalian Nur Rasul, sekalian ulama', syuhada' dan salihin. Daripada peluh belakangnya Allah menjadikan Baitul Ma'mur, Ka'bah, Baitul Maqdis dan segala tapak masjid di dunia ini.

Daripada peluh dua keningnya itu Allah menjadikan umat Nabi Muhammad, daripada sekalian mukmin lelaki dan perempuan. Daripada peluh dua telinganya Allah menjadikan segala roh Yahudi, Nasrani, Majusi dan seumpamanya daripada mulhid, kafir dan munafiqin. Daripada peluh dua kakinya Allah menjadikan segala bumi daripada masyrik dan maghrib dan segala apa yang ada di dalamnya.

Kemudian Allah berfirman kepada Nur, "Perhatikanlah di sebelah hadapanmu wahai Nur Muhammad!" Apabila ia memerhatikan tiba-tiba ia melihat di sebelah hadapan dan belakangnya dan di sebelah kanan dan kirinya Nur semata-mata. Nur-Nur itu adalah Abu Bakar, Umar, Utsman dan Ali. Nur-Nur itu kemudiannya bertasbih selama 70,000 tahun. Kemudian Allah menjadikan Nur para Nabi daripada Nur Muhammad. Allah menilik kepada Nur Muhammad maka dijadikanNya daripada Nur itu roh-roh mereka itu yakni dijadikan roh sekalian Nabi itu daripada peluh Nur Muhammad (s.a.w). Daripada peluh roh-roh para Nabi itu dijadikan roh-roh umat mereka dan dijadikan roh orang-orang mukmin dari kalangan umat Muhammad daripada peluh Nabi Muhammad. Maka mengucaplah sekalian mereka *Laailaha illallah Muhammadun Rasulullah*.

Kemudian Allah menjadikan *qandil* daripada *'aqiq* yang merah. Bahagian luarnya dapat dilihat daripada dalamnya. Kemudian Allah menjadikan rupa Muhammad itu seperti rupanya di dalam dunia ini. Lalu diletakkan di dalam *qandil* itu. Maka berdirilah ia di dalam *qandil* itu seperti berdirinya di dalam sembahyang dan roh-roh para Nabi dan lain-lain mengelilingi *qandil* Nur Muhammad itu. Mereka semua bertasbih dan bertahlil selama 100,000 tahun.

Kemudian Allah memerintahkan supaya tiap-tiap roh itu menilik Nur Muhammad itu. Ada di antaranya melihat kepalanya maka jadilah ia khalifah dan sultan antara sekalian makhluk, di antara mereka ada yang melihat dahinya maka jadilah ia pemerintah yang adil. Di antaranya ada yang melihat dua matanya maka jadilah ia hafiz bagi kalam Allah. Di antara mereka ada yang melihat dua keningnya maka jadilah ia pelukis. Di antara mereka ada yang melihat dua telinganya maka jadilah ia orang yang mendengar dan patuh. Di antara mereka ada yang melihat dua pipinya maka jadilah ia orang yang berbuat baik dan berakal. Di antara mereka ada yang melihat dua bibir mulutnya maka jadilah ia pembesar-pembesar di sisi raja. Di antara mereka ada yang melihat hidungnya maka jadilah ia pujangga, doktor dan penjual wangi-wangian. Di antara mereka ada yang melihat mulutnya maka jadilah ia orang yang berkuasa. Di antara mereka ada yang melihat kakinya maka jadilah ia orang rupawan sama ada lelaki atau perempuan. Di antara mereka ada yang melihat akan lidahnya maka jadilah ia utusan raja-raja. Di antara mereka ada yang melihat halkumnya maka jadilah ia penasihat dan muazzin (tukang bang). Di antara mereka ada yang melihat janggutnya maka jadilah ia orang yang berjuang fi sabilillah. Di antara mereka ada orang yang melihat tengkuknya maka jadilah ia saudagar. Di antara mereka ada yang melihat dua lengannya maka jadilah ia orang yang pandai bermain kuda dan pedang. Di antara mereka ada yang melihat lengan kanannya maka jadilah ia tukang berbekam. Di antara mereka ada yang melihat lengan kirinya maka jadilah ia orang yang jahil. Di antara mereka ada yang melihat tapak tangan kanannya maka jadilah ia penjual emas dan perak dan tukang sukat. Di antara mereka ada yang melihat tangan kirinya maka jadilah ia orang yang pandai menyukat. Di antara mereka ada yang melihat dua tangannya maka jadilah ia orang yang pemurah dan terpuji. Di antara mereka ada yang melihat belakang tapak tangannya yang kiri maka jadilah ia orang yang bakhil. Di antara mereka ada yang melihat belakang tapak tangannya yang kanan maka jadilah ia tukang masak. Di antara mereka ada yang melihat ruas-ruas anak jari yang kiri maka jadilah ia juru tulis. Di antara mereka ada yang melihat anak-anak jari yang kiri maka jadilah ia tukang jahit. Di antara mereka ada yang melihat segala anak-anak jari yang kiri maka jadilah ia tukang besi. Di antara mereka ada yang melihat dadanya maka jadilah ia orang yang 'alim, mulia dan mujtahid. Di antara mereka ada yang melihat belakangnya maka jadilah ia orang yang tawadhu' dan taat mengikut syarak. Di antara mereka ada yang melihat dua lambungnya maka jadilah ia orang yang berperang fi sabilillah. Di antara mereka ada yang melihat perutnya maka jadilah ia orang yang bersifat qana'ah dan zahid. Di antara mereka ada yang melihat dua lututnya maka jadilah ia orang yang ruku' dan orang yang sujud. Di antara mereka ada yang melihat dua kakinya maka jadilah ia orang yang pandai berburu. Di antara mereka ada yang melihat dua tapak kakinya maka jadilah ia orang yang suka berjalan. Di antara mereka ada yang melihat bayang-bayangnya maka jadilah ia penyanyi dan pemain gendang. Di antara mereka ada yang tiada melihat sesuatu daripadanya maka jadilah ia Yahudi dan Nasrani atau kafir dan musyrik atau Majusi. Di antara mereka ada yang tiada langsung melihatnya

maka jadilah ia orang yang mendakwa ketuhanan seperti Fir'aun dan lainnya daripada orang kafir.”

Kejadian Pertama Menurut Riwayat Yang Sahih

Sedangkan apa yang diketahui daripada kitab-kitab hadits yang sahih dan muktabar, yang mula-mula sekali dicipta oleh Allah (s.w.t) ialah Qalam. Diriwayatkan oleh Tarmidzi dan Abu Daud daripada Ubadah bin as-Samit daripada Nabi (s.a.w), “Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali dicipta oleh Allah ialah Qalam. Maka Allah berfirman kepadanya, “Tulislah!” Ia pun berkata, “Wahai Tuhan! Apakah yang perlu saya tulis?” Allah (s.w.t) berfirman, “Tulislah takdir segala sesuatu sehingga kiamat.”

Di dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa yang mula-mula diciptakan oleh Allah ialah ‘Arasy. Rasulullah (s.a.w) bersabda, “Sesungguhnya Allah telah menulis takdir sekalian makhluk sebelum Dia mencipta langit dan bumi selama 50,000 tahun. Ketika itu ArasyNya telahpun berada di atas air.”

Di sini jelas menunjukkan bahawa kejadian Arasy dan air adalah terdahulu daripada kejadian pen, tetapi yang mana satu daripada Arasy dan air ini pula terdahulu diciptakan? Berdasarkan riwayat Ahmad dan Tarmidzi dan dihukum sahih olehnya dari hadits Abi Razin al-'Uqaili secara marfu' tersebut bahawa air telah diciptakan terlebih dahulu daripada Arasy. Hafidz Ibn Hajar di dalam Fathul Baari jilid 6 ms. 289 juga mentarjihkan hadits ini.

Kebanyakan ulama' mengatakan terdahulunya pen itu dalam penciptaannya adalah merupakan “*awwaliah idhafiah*” atau “terdahulu nisbi” sementara terdahulunya Arasy dan air itu adalah terdahulu “*awwaliah haqiqiah*” maksudnya “terdahulu sebenar”. Sementara hadits yang dikatakan menyebutkan bahawa kejadian yang pertama sekali ialah Nur Muhammad pula merupakan sesuatu yang tidak berasal dan tidak sabit daripada Rasulullah (s.a.w).

Hafidz Ibn Taimiah dan Ibn Katsir menyatakan, “Semua hadits-hadits yang menyatakan demikian adalah palsu dan diada-adakan dengan ittifaq ahli ilmu hadits.” {*Lihat al-Atsar al-Marfu'ah'ah ms. 23*}. Demikian juga kata Abu Hasan Ali bin Muhammad al-Kinani dan Imam Zahabi –{*Lihat Tanzihu as-Syari'ah al-Marfu'ah.*}

Versi Ketiga Riwayat al-Musannaf:

Ada dikatakan hadits tentang Nur Muhammad telah dikemukakan oleh Abdul Razak bin Hammam dalam Musannafnya padahal hadits itu tidak terdapat dalam kitab tersebut menurut perhatian penulis terhadap kitab Musannaf cetakan al-Maktabu al-Islami, Beirut, dengan tahqiq oleh Allamah al-Muhaddits Habibur Rahman al-A'zami.

Yang menghairankan ialah para ulama' dahulu menyebutkan hadits ini terdapat di dalam Musannaf seperti apa yang disebutkan oleh pengarang sebuah kitab tasauf dalam bahasa Jawi iaitu *ad-Durun an-Nafis* (ms. 23) dan Sulaiman an-Nadwi dalam *Seeratu an-Nabi* (jilid. 3 m.s 635), tetapi Sulaiman an-Nadwi mengakui tidak berpeluang melihat kitab itu sendiri kerana kitab itu tidak dicetak di India pada ketika itu.

Sementara Anwar Shah Kasymiri pula mengatakan hadits itu telah dikemukakan oleh Hakim dalam Mustadraknya tetapi apabila diteliti tidak terdapat pun hadits itu di dalam Mustadrak, yang ada hanyalah hadits tentang Qalam sebagai sesuatu yang mula-mula dijadikan oleh Allah bukannya Nur Muhammad. Tidaklah dapat dipastikan samada ulama'-ulama' yang lalu itu hanya menukikan riwayat dan nukilan dari kata-kata orang lain berdasarkan kepercayaan kepada orang itu tanpa melihatnya sendiri atau ada di antara mereka yang mendapati naskhah Musannaf yang menyebutkan tentang Nur Muhammad itu.

Walaubagaimanapun daripada naskhah yang tercetak dan tersebar hari ini, hadits itu memang tidak wujud. Apa yang didakwakan sebagai hadits Nur Muhammad yang terdapat di dalam kitab Musannaf itu mengikut sebagaimana yang dinukikan oleh Ahmad Riza Khan Barelwi (pengasas aliran Barelwi di India dan Pakistan) yang sesat itu di dalam kitabnya *Solatu as-Safa* adalah sebagai berikut;

“Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Jabir, “Wahai Jabir! Sesungguhnya Allah Taala telah mencipta sebelum segala sesuatu Nur Nabimu daripada NurNya. Maka Nur itu mula berputar dengan kudrat Allah selama dikehendakiNya. Pada ketika itu belum ada lagi Lauh dan Qalam, syurga dan neraka. Belum juga ada malaikat, langit, matahari, bulan, jin dan manusia. Bila Allah hendak menjadikan makhluk, dibahagiNya Nur itu kepada empat bahagian. Daripada bahagian yang pertama dijadikan Qalam, daripada bahagian yang kedua dijadikan Lauh, daripada yang ketiga dijadikan Arasy. Kemudian Dia membahagikan bahagian yang keempat kepada empat bahagian yang lain. Daripada bahagian yang pertama dijadikan Arasy, daripada yang kedua dijadikan Kursi dan daripada yang ketiga dijadikan sekalian malaikat. Bahagian yang keempat pula dibahagikan kepada empat yang lain. Daripada bahagian yang pertama dijadikan langit, daripada bahagian kedua dijadikan bumi, daripada bahagian ketiga dijadikan syurga dan neraka kemudian yang keempat pula dibahagikan kepada empat bahagian hingga ke akhir hadits.

Sebelum ini telah dinyatakan bahawa hadits ini tidak terdapat dalam Musannaf Abdul Razak. Kalau diandaikan hadits ini memang ada, maka ia perlu dinilai dan ditimbang dengan neraca ilmu hadits dan hasilnya tentu akan kita dapati bahawa ada beberapa perkara yang menghalang kita daripada menerima hadits ini untuk dijadikan sebagai alasan atau pegangan.

Kedudukan Abdul Razak

Pertama, perlu diteliti dan diketahui dengan sejelas-jelasnya siapakah Abdul Razak itu? Mengikut kebanyakan tokoh-tokoh hadits bahawa Abdul Razak adalah seorang Syi'ah Rafidhah. Setengah ulama' menganggapnya sebagai pembohong. Ulama'-ulama' hadits yang menerima riwayatnya pun mengemukakan beberapa syarat untuk diterima riwayatnya. Antaranya ialah;

1. Oleh kerana beliau seorang Syi'ah, mana-mana riwayatnya berhubung dengan fadhail dan manaqib tidak akan diterima.
2. Riwayat-riwayatnya yang menyentuh peribadi sahabat tidak akan diterima.
3. Oleh kerana Abdul Razak telah kehilangan akal pada tahun 210 H, ketika itu sesiapa sahaja boleh menyatakan sesuatu daripada mulutnya tanpa kesedaran dirinya, oleh itu setiap riwayat yang dikemukakan selepas tahun 210 H tidak boleh diterima.
4. Riwayat-riwayat yang dinukilkan oleh anak saudaranya yang bernama Ahmad bin Abdullah semuanya mungkar.
5. Dia terkenal dalam kesilapannya meriwayatkan hadits-hadits Ma'mar sedangkan kebanyakan riwayat-riwayatnya adalah berpunca daripada Ma'mar.
6. Sekiranya hadits yang diriwayatkannya itu hadits yang *muttasil* dan setiap perawinya adalah orang *tsiqah* barulah boleh diterima riwayatnya.

Itupun bagi orang-orang yang menerima riwayatnya. Sementara segolongan ulama' hadits pula langsung tidak mahu menerima riwayatnya oleh kerana beliau dikenali sebagai Syi'ah Rafidhah. Zaid bin al-Mubarak malah menyatakan Abdul Razak itu lebih pembohong daripada Waqidi. Ahmad bin Abi Khaitsamah berkata, "Saya mendengar Ibn Ma'in ketika diceritakan kepadanya bahawa Imam Ahmad berkata, "Ubaidullah bin Musa ditolak haditsnya kerana kefahaman Syi'ahnya." Maka Ibn Ma'in berkata, "Demi Allah

yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Abdul Razak lebih melampau 100 kali ganda daripada Ubaidullah dalam perkara ini.” (*Az-Zahabi-Mizanu al-I'tidal* jilid 2 ms. 611)

Bagaimanapun pendapat kebanyakan ulama' hadits tentang Abdul Razak ialah, “Beliau adalah seorang Syi'ah Tafdhiliah dan boleh diterima riwayat-riwayatnya dengan syarat-syarat yang telah disebutkan tadi.”

Kedudukan Kitab Musannaf

Kedua, perlu juga dilihat kedudukan kitab Musannaf itu di antara kitab-kitab hadits yang lain dan menurut Syah Abdul Aziz bahawa kitab-kitab hadits itu terbahagi kepada empat peringkat. Termasuk di dalam peringkat yang pertama tiga buah kitab iaitu *Muwattha Imam Malik, Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Termasuk di dalam peringkat yang kedua ialah kitab-kitab seperti *Jami' Tarmidzi, Sunan Abi Daud* dan *Sunan Nasa'i*. Dalam peringkat yang ketiga pula termasuk kitab-kitab hadits yang memuatkan hadits-hadits *sahih, hasan, dhaif, ma'ruf, gharib, syaz, mungkar, khatha' dan shawab* (salah dan betul), *sabit* dan *maqlub*. Kitab-kitab yang termasuk dalam peringkat yang ketiga ini tidaklah sampai kepada kemasyhuran yang begitu tinggi di kalangan ulama'. Walaupun tidak semua hadits-haditsnya boleh dinamakan mungkar, para fuqaha' tidak banyak menggunakan hadits-hadits daripada kitab-kitab ini yang *mutafarriid* (hadits yang hanya tersebut di dalam salah satu daripada kitab-kitab ini)

Termasuk di dalam peringkat ini ialah kitab-kitab seperti *Musnad Imam Syafi'e, Sunan Ibn Majah, Musnad ad-Daarimi, Musnad Abi Ya'la, Musannaf Abdul Razak* dan lain-lain. Termasuk di dalam peringkat keempat pula kitab-kitab hadits yang hanya memuatkan hadits-hadits dhaif dan *maudhu'* seperti *Kitabu ad-Dhu'afa'* karangan Ibn Hibban, *Kitabu ad-Dhu'afa'* karangan 'Uqaili dan lain-lain. Daripada keterangan di atas dapat dilihat bahawa Musannaf Abdul Razak itu termasuk daripada kitab-kitab hadits dari peringkat ketiga. Riwayat-riwayatnya tidak boleh diterima secara mutlak tanpa memeriksa dan menilainya terlebih dahulu.

Kepalsuan Hadits Nur Muhammad

Sesetengah ulama' misalnya Maulana Habibur Rahman Kandahlavi seorang tokoh hadits di Pakistan menyatakan kepalsuan hadits ini bila ditinjau dari sudut dirayah. Begini katanya, “Hadits ini menyatakan bahawa Nur Muhammad telah dicipta oleh Allah dari NurNya. Kemudian daripada Nur Muhammad itu diciptakan sekalian makhluk lain, seolah-olahnya Allah telah terbahagi kepada jujuk-jujuk dan jisim yang tidak berkesudahan buat selama-lamanya. Ini bermakna setiap sesuatu dalam alam semesta ini merupakan satu jujuk daripada Allah dan setiap sesuatu darinya mempunyai unsur

ketuhanan. Tiada lagi yang sunyi dan unsur ini. Dalam keadaan ini jika ada seseorang yang mendakwa sebagai Tuhan atau berkata, “*Anal haq*” atau “*Ana Rabbukumul A’la*” mungkin juga dari satu sudut ada kebenarannya.”

Ketika itu perbezaan antara khaliq dan makhluk, ‘abid dan ma’bud dan malik dan mamluk yang ditekankan dengan sejelas-jelasnya dalam al-Quran sudah tidak bererti lagi. Inilah sebenarnya asas kepada faham “*Wahdatul Wujud*” atau “Serba Dia” yang sesat itu yang menganggap segala sesuatu sebenarnya Dia (Tuhan).

Kalau dikatakan pula juzuk-juzuk yang terpisah dari Allah itu akan fana bermakna Allah juga akan fana dan kalau dikatakan pula bahawa juzuk-juzuk itu tidak akan fana tetapi sebaliknya akan bergabung kembali dengan zat Allah yang merupakan puncanya maka tidak ada perbezaan pula dengan kepercayaan orang-orang Kristian terhadap Nabi Isa dan fahaman yang seperti inilah asas kepada aqidah Trinity. Tetapi orang-orang Kristian menghadkan pecahan Tuhan kepada tiga sahaja. Golongan ini pula telah memasukkan sekalian makhluk dalam lingkungan ketuhanan.

Seandainya kita menerima satu juzuk daripada zat ini telah terpisah dari zat Allah maka ia akan membawa kepada dua keadaan. Pertama, sesuatu yang boleh dibahagikan kepada beberapa juzuk adalah jisim dan akan musnah. Ini membawa kepada Allah dipercayai berjisim dan akan musnah.

Kedua, bila dianggap satu juzuk dari Allah telah terpisah daripadanya, maka ia bermakna sudah pasti berlaku kekurangan pada zat Allah.

Pengamatan secara logik terhadap riwayat-riwayat ini sebenarnya akan membawa kita kepada satu natijah bahawa riwayat-riwayat yang seperti ini merupakan *tabarra* (pernyataan rasa benci) terhadap Allah Taala. Perkara yang seperti ini tidak hairan jika datangnya daripada seorang Syi’ah. Yang paling menghairankan ialah bagaimana ramai daripada ulama’-ulama’ Islam terpedaya dengannya sehingga menganggapnya sebagai suatu keistimewaan Rasulullah pula.

Adakah Allah Punca Nur Muhammad?

Anggapan bahawa Allah adalah Nur adalah salah kerana Nur adalah makhluk Allah. Makhluk dan Khaliq adalah berlainan. Kalau tidak akan lahirah aqidah “*Wahdatul Wujud*” tadi. Dalam al-Quran dapat kita lihat sekian banyak ayat yang menunjukkan Nur sebagai makhluk, contohnya:

1. “Dia telah menjadikan kegelapan dan cahaya.” (Surah al-An’am:1)

2. “Kami telah jadikan untuk manusia Nur (cahaya) yang mana dia membawanya di kalangan manusia.” (Surah al-An ‘am: 122)
3. “Sesiapa yang Allah tidak menjadikan untuknya Nur (cahaya), dari manakah akan diperolehnya Nur?” (Surah an-Nur: 40)

Perlu diingat bahawa *ja'il* dan *maj'ul* yakni yang menjadikan dan yang dijadikan itu tidak mungkin sama kerana *ja'il* bererti yang mencipta sedangkan *maj'ul* bermakna yang diciptakan atau makhluk sedangkan pencipta dan yang dicipta, pembuat dan yang dibuat mustahil sama. Ramai juga orang yang terkeliru apabila membaca firman Allah yang berbunyi, “Allah adalah Nur langit-langit dan bumi.” Orang-orang awam mungkin sekali terpedaya dengan ayat-ayat yang seperti ini tetapi amat dikesali sekiranya alim ulama' terpedaya dengannya kerana dalam bahasa Arab Nur adalah *masdar* dan *masdar* ada kalanya memberi makna *masdari*, ada kalanya memberi makna *maf'ul* dan ada kalanya memberi makna *fa'il*. Kerana itulah ahli-ahli ahsir yang muktabar mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan, “*Allahu munawwiru as-samaawaati wal ardh* (Allah yang menyinari langit-langit dan bumi).”

Jika Allah bukan Nur maka sudah tentu tidak timbul lagi persoalan kejadian sesuatu dari NurNya. Sekiranya Nur Muhammad itu benar-benar diciptakan dari Nur, apakah halangannya kepada Allah untuk menyatakan dengan terus terang bahawa Dia menjadikan Nabi Muhammad dari Nur sebagaimana dijadikan malaikat? Masalahnya apabila dikatakan asal kejadian manusia itu dari Nur maka ia akan bertentangan dengan ayat Allah yang lain yang bermaksud, “Kami telah menciptakan manusia dari tanah....”

Bagaimanapun itu adalah pendapat Maulana Habibur Rahman yang mungkin sebahagian daripada komentarnya itu boleh dipertikaikan atau ditakwilkan. Misalnya dengan mengatakan, “Memang Allah itu Nur tetapi bukan seperti Nur yang lain sepertimana dinyatakan Allah mempunyai tangan (di dalam al-Quran) tetapi bukan seperti tangan makhluk. Begitu juga Allah mempunyai mata tetapi bukan seperti mata makhluk. Apa yang hendak dinyatakan ialah Nur itu ialah salah satu daripada nama sifat Tuhan dan ini diterima oleh semua.”

Yang dimaksudkan dengan menjadikan Nur nabiNya dari NurNya bukanlah bermakna menjadikan Nur Muhammad daripada sebahagian Nur Tuhan yakni dengan memakai “*min li attab'idh*” dengan erti sebahagian atau satu juzuk daripada Nur Tuhan. Tidakkah boleh juga dipakai *min* itu dengan erti “*ibtida'iah*” bermakna kejadian Nur Muhammad itu berpunca daripada sifat Nur Allah seperti di dalam al-Quran Allah menyebutkan tentang kejadian Nabi Adam bermaksud, “Bila Aku menyempurnakan kejadiannya (Adam) dan meniupkan ke dalamnya “*min ruhi*” (dari rohKu).” Di sini tidak bermakna roh Nabi Adam itu dijadikan daripada sebahagian roh Allah dengan memakai “*min li*

attab'idh" tetapi semua ulama' mengatakan bahawa roh Nabi Adam itu adalah daripada kejadian Allah (s.w.t), yakni Allah yang menjadikan roh dan meniupkannya ke dalam tubuh Nabi Adam. Ini bererti persamaan yang terdapat pada perkataan Nur atau roh itu adalah persamaan pada lafaz sahaja bukannya persamaan pada sifat hakikatnya seperti sifat Tuhan al-Malik yang bererti Raja, apakah Raja yang terdapat di dunia ini boleh disamakan dengan Allah yang bersifat al-Malik itu mentang-mentang ia seorang Raja, dan ia dikatakan "al-Malik" di kalangan manusia? Tentu sekali tidak!

Bagaimanapun perkara ini mengelirukan sehingga ada sesetengah ulama' menyimpulkan begitu. Sebagai contohnya Maulana Habibur Rahman kerana realiti yang dihadapi oleh beliau daripada kepercayaan dan gelagat-gelagat golongan Barelwi yang terdapat di India dan Pakistan dengan jelas menyatakan Nur Muhammad itu adalah sebahagian daripada Nur Tuhan sebagaimana yang terdapat dalam serangkap syair dalam bahasa Urdu oleh salah seorang tokoh Barelwi begini bunyinya;

*Vohi jo mustavi Arasy tha khuda ho kar * Utar para Madina me Mustafa ho kar*
Bermaksud;

Dialah Yang telah bersemayam di atas Arasy sebagai Tuhan * Turun ke Madinah sebagai Mustafa (Muhammad)

Bukankah penyelewengan yang seperti ini berpunca daripada pentafsiran tentang Nur Muhammad yang dikatakan berasal daripada hadits itu?

Memanglah tidak sia-sia takwilan yang telah dikemukakan tadi kalau sekiranya ia dikemukakan untuk menyelesaikan kemusykilan yang timbul daripada hadits yang sahih tetapi setelah jelas hadits itu bukan sahih bahkan ia adalah hadits yang maudhu', tidak perlu lagi kepada takwilan yang seperti itu. Apalagi ia membuka pintu kepada golongan-golongan yang menyeleweng yang membawa fahaman "Serba Dia" atau aqidah *Trinity* dan sebagainya.

Nur Dengan Erti Majazi

Untuk diterima Nabi Muhammad merupakan Nur dalam pengertian *majazi* (bahasa pinjaman) tidaklah ditolak oleh semua ulama'. Memanglah Nabi Muhammad mempunyai sifat seperti cahaya yang menyinari kegelapan kekufuran. Kalau terdapat ayat-ayat al-Quran yang menyebutkan Nabi Muhammad sebagai Nur maka ia mengisyaratkan kepada erti yang seperti ini. Sama sekali ia tidak menunjukkan Nabi Muhammad berasal dari Nur seperti kejadian malaikat umpamanya. Dalam pengertian majazi ini Nur tidak dikhususkan untuk Nabi Muhammad sahaja bahkan Nur juga dipakai dengan erti ugama Islam, al-Quran dan lain-lain lagi.

Nur Panjtan

Sebenarnya riwayat-riwayat yang seperti ini adalah rekaan orang-orang Syi'ah dengan tujuan meratakan jalan untuk konsep "Panjtan" dalam ajarannya yang mengatakan bahawa Nur itu bepecah kepada lima iaitu Nabi Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Mereka berharap apabila umat Islam bersedia menelan sebiji ubat pahit ini, maka mereka akan terus bersedia menelan biji-biji ubat yang lebih pahit daripada itu. Kerana itulah dapat kita lihat di dalam tafsir-tafsir al-Kalbi dan ahli-ahli sirah yang terpedaya dengannya, bahawa Nur itu berpindah-pindah daripada Nabi Adam kepada Nabi Syith dan seterusnya kepada Abdul Mutalib. Selepas Abdul Mutalib, Nur itu berpecah kepada dua, yang pertama pergi kepada Abdullah ayahanda nabi kita Muhammad (s.a.w). Dan yang kedua pergi kepada Abdu Manaf atau Abu Talib iaitu ayah kepada Sayyidina Ali.

Kenyataan ini tersebut di dalam kitab-kitab Syi'ah seperti "*Ilalu as-Syarai*" jilid I ms. 159 karangan Ibn Babwaih dan "*Kitabu al-Khisal*" jilid I ms. 189 oleh pengarang yang sama.

Daripada Abdullah, Nur itu diterima oleh nabi kita, daripada Abdu Manaf ia diterima oleh Sayyidina Ali. Kerana itulah mereka memanggil Nabi sebagai "*Imamul Anbiya*" dan Sayyidina Ali sebagai "*Imamul Auliya*".

Hakikat "*Imamul Anbiya*" dan "*Imamul Auliya*".

Riwayat ini dengan terang menyatakan bahawa Sayyidina Ali mempunyai kesamaan darjat dengan Raulullah (s.a.w). Keistimewaan yang diperolehinya bukanlah melalui nabi tetapi melalui kejadian semulajadinya. Kerana itulah Baqir al-Majlisi dalam "*Jilaau al-'Uyun*" meriwayatkan bahawa di hari pertama kelahirannya lagi Sayyidina Ali telah bercakap. Dia bertanya Nabi, "Adakah engkau mengenali diriku?" Nabi (s.a.w) menjawab, "Ya." Kemudian Nabi (s.a.w) bertanya Sayyidina Ali begitu juga dan Sayyidina Ali juga menjawab, "Ya. Hari ini di namakan hari "*Arfah*" iaitu "Hari perkenalan"."

Tujuan mereka mengadakan riwayat yang seperti ini ialah untuk mengemukakan jalan *Wilayah* dan *Imamah* yang beriringan dengan jalan Nubuwwah dan Risalah. Tidak hairanlah jika dilihat dalam silsilah-silsilah tarekat tasawwuf yang berusaha mendapatkan maqam kewalian, mempunyai perkaitan dan perhubungan dengan Sayyidina Ali. Semuanya berakhir dan berhenti silsilahnya pada Sayyidina Ali yang merupakan Imamul Auliya' seolah-olahnya tidak ada sahabat-sahabat lain yang merupakan jalan untuk sampai kepada maqam kewalian itu selain daripada Sayyidina Ali. Bukankah ini

merupakan suatu kesan daripada memecahkan Nur Muhammad kepada Abdullah dan Abu Talib tadi?

Perpindahan Nur Muhammad

Ibn Saad, Thabarani, Abu Nu'aim, Bazzar dan lain-lain telah menukulkan satu riwayat ketika mentafsirkan ayat yang bermaksud, “Dia melihat engkau ketika engkau berdiri dan berbolak balik di kalangan orang-orang yang sujud”, bahawa ayat ini bermaksud, “Bahawa Rasulullah (s.a.w) dalam perpindahannya dalam sulbi para Nabi bermula daripada Adam sampailah kepada kemunculannya dilihat oleh Allah”, padahal siaq (ayat berikut) dan sibaq (ayat sebelum) ayat ini langsung tidak menyokong tafsiran yang dikemukakan malah riwayat ini adalah palsu kerana ia telah dinukilkan oleh al-Kalbi daripada Ibn Abbas, sedangkan anak-anak murid Ibn Abbas seperti Mujahid, Ikrimah, Qatadah dan lain-lain pula tidak mengemukakan tafsiran seperti ini bahkan mereka semua mengatakan, “Yang dimaksudkan dengan “berbolak balik engkau itu” ialah “qiam dan sujud engkau dalam sembahyang bersama sahabat.”

Selain dari itu dakwaan Nur Muhammad berpindah dari seorang nabi kepada seorang nabi yang lain terus menerus sampailah kepada Nabi Muhammad adalah sesuatu yang salah kerana berapa orangkah daripada anak cucu Nabi Ismail selain daripada Rasulullah (s.a.w) yang telah dilantik menjadi nabi? Begitu juga berapa orangkah yang dilantik menjadi nabi daripada anak cucu Nabi Nuh hingga kepada Nabi Ibrahim? Sebenarnya dakwaan ini tidak berasas sama sekali.

Kalau dimaksudkan perpindahan Nur Muhammad itu adalah di kalangan nenek moyang Nabi, maka itu bercanggah dengan kenyataan kerana ramai sekali di antara nenek moyang Nabi kita terdiri dari orang musyrik dan penyembah berhala dan inilah pegangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Untuk menyembunyikan satu dusta kadang-kadang manusia itu terpaksa mengada-adakan sesuatu yang tiada atau terpaksa berdusta beratus-ratus kali. Oleh kerana Syi'ah telah menetapkan bahawa kesemua nenek moyang Rasulullah (s.a.w) adalah beragama Islam, terpaksa mereka mengada-adakan sekian banyak hadits palsu yang lain sepertimana dapat dilihat dalam hadits-hadits yang menyatakan perpindahan Nur Muhammad daripada seorang Nabi kepada seorang Nabi yang lain, dari Adam dan berakhir pada Abdul Mutalib, dari Abdul Mutalib itu Nur Muhammad tadi berpecah dua, satu pergi kepada Abdullah ayah Nabi kita dan satu lagi pergi kepada Abdu Manaf iaitu Abu Talib ayah kepada Sayyidina Ali.

Tujuan mereka ialah meletakkan Sayyidina Ali sejajar dengan Rasulullah (s.a.w) dan tidak kurang daripada Nabi. Kalau Nabi merupakan Sayyidul Anbiya' maka Sayyidina Ali pula merupakan Imamul Auliya', sementara Imam Wali dan Wasi pula bagi mereka

adalah satu pangkat yang sebenarnya tidak kurang daripada pangkat kenabian kerana terdapat segala ciri kenabian padanya seperti dilantik oleh Allah, wajib ditaati, terpelihara daripada dosa-dosa, didatangi malaikat yang lebih agung daripada Jibril dan Mikail, cuma ia tidak dinamakan “nabi” sahaja. Dari sini dapat kita lihat bahawa kejadian Nur Muhammad itu bertitik tolak juga daripada ajaran Syi’ah.

Diantara Konsep Panjtan dan Nur Muhammad

Jika dilihat pada konsep “Panjtan” yang diperkenalkan oleh Syi’ah iaitu lima peribadi istimewa, Nabi Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan dan Husain, kita dapati bahawa konsep Nur Muhammad ini betul-betul berpunca daripada Syi’ah misalnya dalam satu riwayat Syi’ah yang diambil daripada Sayyidina Ali daripada Rasulullah (s.a.w) sabdanya, “Sesungguhnya aku dan Ahli Baitku merupakan Nur di hadapan Allah Tabarakawatala sebelum Dia menjadikan Adam selama 14,000 tahun.”-(*Al-Ihtijaj jilid 1 ms. 212 at-Thabarsi*). Dalam satu riwayat yang lain disebutkan, “...7,000 tahun sebelum kejadian Adam.” – (*‘lalu as-Syaraai’ jilid. 1 ms. 208 Ibn Babwaih*). Dalam riwayat yang ketiga tersebut, “Aku dan Ali diciptakan dalam satu Nur 2,000 tahun sebelum Allah menjadikan Adam.”-(Ibid jilid 1 ms. 34)

Sementara itu jika dilihat di dalam riwayat yang mula-mula dikemukakan dalam maqalah ini tersebut bahawa daripada Nur Muhammad dijadikan Abu Bakr, Umar, Utsman dan Ali, bagaimana ini boleh berlaku sedangkan dalam riwayat-riwayat Syi’ah semua ini tidak ada? Mungkin juga ada orang Ahlus Sunnah yang jahil telah berusaha menandingi riwayat yang direka oleh Syi’ah itu dengan mereka hadits Nur Muhammad yang berpecah kepada Sayyidina Abu Bakr, Umar, Utsman dan Ali untuk membuktikan bahawa mereka itu juga tidak kurang daripada Ali atau mungkin juga riwayat inipun direka oleh Syi’ah atas nama Ahlus Sunnah untuk menunjukkan bahawa Ahlus Sunnah juga tidak berbeza dengan mereka dalam konsep asal Nur Muhammad itu sendiri? Yakni Ahlus Sunnah juga menerima kewujudan Nur Muhammad sebagai makhluk yang pertama lahirnya daripada Tuhan sepertimana yang dipercayai oleh Syi’ah?

Nur Muhammad Pada Abdul Mutalib

Tersebut di dalam riwayat-riwayat bahawa “Nur Muhammad itu sampai kepada Abdul Mutalib ketika beliau sedang tidur di dalam Ka’bah pada waktu siang. Sebaik sahaja terjaga matanya kelihatan bercelak, rambutnya kelihatan berminyak, wajah dan tubuhnya kembali menjadi muda belia. Abdul Mutalib terkejut dengan keadaannya sendiri. Maka ia dibawa oleh ayahnya mengadap seorang tukang tenung dari kalangan Quraisy. Berkata tukang tenung itu, “Allah telah mengizinkan agar anak ini dikahwinkan.” Nur Muhammad di dalam diri Abdul Mutalib telah menyebabkan tubuhnya wangi seperti

kasturi. Apabila orang-orang Quraisy ditimpa kesusahan dan lain-lain malapetaka mereka menjadikan Nur Muhammad itu sebagai wasilahnya agar doa mereka diterima.”

Riwayat ini dikemukakan oleh Abu Saad Naisaburi wafat 307H di dalam kitab *Syarafu al-Mustaffa* melalui sanad Abu Bakr bin Abi Maryam daripada Ka'ab al-Ahbar seorang muallaf yang asalnya beragama Yahudi dari kalangan tabiin.

Pertama sekali perlu dilihat bahawa silsilah riwayat ini terhenti pada seorang tabi'i, tidak tersebut pula sanad di atasnya. Walaupun Kaab al-Ahbar dianggap sebagai yang terbaik di antara muallaf Yahudi namun Imam Bukhari mengatakan dia pembohong. Dialah yang merupakan punca dan sebab utama bagi riwayat-riwayat Israiliyyat yang ganjil dan pelik.

Sementara perawi di tengahnya ialah Abu Bakr bin Abi Maryam. Beliau dengan ittifaq tokoh-tokoh hadits merupakan seorang perawi yang dhaif. Kerana satu kemalangan yang menimpanya, fikirannya jadi tak tentu hala. Selain itu Ka'ab al-Ahbar telah mati di zaman Sayyidina Utsman yakni sebelum tahun 35H sedangkan Abu Bakr bin Abi Maryam pula wafat pada tahun 156H. Abu Bakr bin Abi Maryam adalah seorang 'abid dan zahid. Tetapi riwayat-riwayatnya tidak diterima oleh ulama'-ulama' hadits. Bagaimana ia boleh menerima sebarang riwayat daripada Ka'ab yang telah begitu lama meninggal sebelum daripadanya?

Nama asal Abdul Mutalib ialah Syaibah. Ayahnya Hashim telah pergi ke Syam untuk tujuan perniagaan. Dalam perjalanan beliau berhenti di Madinah. Di sana beliau telah terpikat dengan seorang gadis bernama Salma dari Banu Najjar dan berkahwin dengannya. Setelah beberapa hari bersamanya Hasyim berangkat ke Syam dan semasa pulang dari Syam Hasyim telah meninggal dunia dalam perjalanannya di Ghaza. Tetapi Salma sudahpun mengandung pada ketika itu. Bila dia melahirkan anak didapati rambut anaknya itu beruban, lalu diberi namanya “Syaibah”. Syaibah dipelihara di Madinah selama 8 tahun. Apabila saudara Hasyim yang bernama Muttalib mendapat tahu dia terus pergi ke Madinah dan membawa pulang anak itu bersamanya ke Mekah. Oleh kerana anak itu dididik dan dipelihara oleh Muttalib, orang ramai mula rnemanggilnya dengan “Abdul Muttalib”.

Yang menjadi persoalannya ialah ayah Abdul Muttalib itu meninggal dunia sebelum kelahirannya lagi, adakah setelah mati selama 15 atau 16 tahun ayahnya hidup kembali untuk membawanya pergi bertemu dengan seorang tukang tenung Quraisy? Ini dengan jelas menunjukkan Ka'ab al-Ahbar itu adalah pendusta sepertimana yang dikatakan oleh Imam Bukhari, ia tidak mengetahui sejarah hidup orang Mekah atau mungkin juga kisah ini merupakan hasil fikiran Abu Bakr bin Maryam yang sudah tak tentu hala itu?

Daripada kisah ini dapat diketahui beberapa perkara:

1. Menjadikan Nur Muhammad sebagai wasilah itu sebenarnya sunnah orang-orang kafir Mekah.
2. Nur Muhammad itu berpindah daripada seorang kepada seorang yang lain apabila ia menjadi remaja. Jangan-jangan “nur keremajaan” itu pula yang dipercayai sebagai Nur Muhammad!
3. Orang-orang yang telah dipilih menerima Nur Muhammad dari satu generasi kepada satu generasi yang lain rupanya tidak berkahwin melainkan dengan kebenaran Allah dan cara untuk mengetahui keizinan Allah itu ialah dengan mengadu nasib kepada tukang tenung.

Tabarra Terhadap Abdullah

Ada pula riwayat yang menyebutkan bahawa bila Nur Muhammad itu bersinar-sinar di dahi Abdullah maka ia dikenali dan dicam oleh seorang tukang tenung perempuan. Dia mengajak Abdullah untuk tidur bersamanya dengan harapan Nur itu akan berpindah kepadanya. Tetapi bukan dia yang bertuah mendapatkan Nur itu kerana Abdullah enggan mengikutinya dan terus pulang ke rumah. Di rumahnya ibunda Nabi (s.a.w) telah dipilih Allah sebagai pewaris Nur Muhammad itu.

Setelah Nur Muhammad itu berpindah kepada Aminah, Abdullah datang semula kepada tukang tenung itu dan memintanya untuk bersama tetapi tukang tenung perempuan itu pula yang menolak dengan alasan, “Nur yang berkilau di dahimu sebelum ini telah pun berpindah ke lain.” Riwayat ini dengan perincian dan lafaz yang berbeza-beza dikemukakan oleh Ibn Saad, Kharaiti, Ibn Asakir, Baihaqi dan Abu Nu’aim di dalam “Dalail” masing-masing.

Ibn Saad dalam Tabaqatnya telah mengemukakan riwayat ini melalui tiga jalan. Jalan yang pertama terdapat padanya Waqidi sebagai perawi yang pertama dan di dalam riwayat yang kedua terdapat al-Kalbi. Kedua-dua mereka ini terkenal sebagai pendusta. Sementara jalan riwayat yang ketiga pula berhenti pada Abu Yazid al-Madani seorang tabi’i, ertinya perawi di atasnya tidak diketahui. Abu Yazid al-Madani ini walaupun telah ditausiqkan oleh sebahagian tokoh-tokoh hadits tetapi Syeikhul Kul di Madinah Imam Malik berkata, “Aku tidak mengenalinya.” Abu Zur’ah pula berkata, “Saya tidak tahu tentangnya.”

Abu Nu'aim pula mengemukakan riwayat ini melalui empat jalan tetapi tidak ada satu pun daripada sanad-sanadnya boleh dipegang kerana di dalam sanad yang pertama terdapat Nadhar bin Salamah, Ahmad bin Muhammad dan Abdul Aziz bin Amar az-Zuhri. Ketiga-tiga mereka ini adalah orang yang tidak diterima oleh tokoh-tokoh ilmu rijal hadits.

Dalam sanad yang kedua terdapat Muslim bin Khalid az-Zinji dan dia dianggap sebagai perawi yang dhaif. Selainnya terdapat beberapa perawi yang majhul (tidak diketahui latar belakangnya).

Sanad yang ketiga pula terhenti pada Yazid bin Syihab az-Zuhri. Dia tidak menyatakan silsilah sanad di atasnya dan keadaannya sendiri pun tidak diketahui. Sanad Baihaqi tidak lain daripada sanad yang ketiga yang dikemukakan oleh Abu Nuaim tadi. Adapun sanad oleh Kharaiithi dan Ibn Asakir pula adalah sanad yang tidak muktabar.

Dalam kenyataan yang ringkas ini tidaklah penulis bercadang untuk memperincikan setiap perawi yang merupakan mata rantai sanad-sanad riwayat ini. Cukuplah dengan disebutkan bahawa perawinya adalah orang-orang yang tidak boleh diterima periwayatannya. Apa yang perlu diteliti oleh kita ialah sudut dirayahnya yang secara terang-terang menunjukkan kepalsuannya kerana ia menunjukkan ayahanda Nabi kita Muhammad (s.a.w) sebagai seorang yang bermata keranjang dan jahat, apabila ia menyatakan bahawa kerana sesuatu sebab Abdullah telah menolak ajakan tukang tenung perempuan yang juga pelacur itu tetapi kemudiannya dia sendiri yang mencari perempuan itu untuk digaulinya. Perkara ini sahaja sudah cukup untuk kita menentukan sama ada riwayat ini sebenarnya menyatakan kelebihan Nabi atau ia merupakan satu bentuk tabarra terhadap ayah Nabi (s.a.w) dan menampilkannya sebagai seorang yang jahat?!

Di sana terdapat satu lagi riwayat yang tidak kurang karutnya dari riwayat-riwayat sebelum ini menunjukkan betapa Nur Muhammad itu mempesonakan iaitu kononnya diriwayatkan daripada Abbas bahawa telah dikira seramai 200 orang perempuan dari Bani Abdu Manaf dan Kabilah Makhzum yang mati akibat kekecewaan mereka kerana tidak berjaya menjadi isteri Abdullah. Mereka mati dalam keadaan membujang dan tidak ada seorang pun daripada perempuan Quraisy yang tidak jatuh sakit kerana tergilagilakan Abdullah (ayahanda Nabi (s.a.w)).

Riwayat ini telah dikemukakan oleh Zarqani di dalam syarah Mawahib Laduniyyah dengan sighah tamridh(ruwiya) bererti diriwayatkan, dihikayatkan dan sebagainya. Membuktikan beliau sendiri mempertikaikan kesahihan kisah ini, kerana sighah tamridh diguna untuk menyatakan riwayat-riwayat yang tidak sahih. Selain itu riwayat-riwayat ini

tidak bersناد dan tidak berasas sama sekali. Kita tidak akan menemuinya di dalam mana-mana kitab yang muktabar.

Beberapa persoalan dan kemusykilan pasti akan timbul di dalam fikiran orang-orang yang membaca kisah ini dengan kritis. Antara lain ialah:

1. Kenapa tidak ada seorang pun ahli-ahli kisah maulid di dalam kitab-kitab mereka mengemukakan senarai 200 orang perempuan dari Bani Abdu Manaf dan Bani Makhzum yang dikatakan telah mati kerana kecewa tidak dapat menjadi isteri Abdullah?
2. Bolehkah mereka mengemukakan nama-nama hanya 10 orang perempuan Bani Makhzum dan Bani Abdu Manaf yang tidak berkahwin sepanjang hidupnya itu?
3. Kenapakah ramai anak-anak gadis dan perempuan daripada kedua-dua keluarga ini sahaja yang kecewa kerana tidak dapat berkahwin dengan Abdullah? Kenapa pula perempuan dan Bani Zuhrah, Bani Jumah, Bani Asad, Bani Khuwailid, Bani Taim, Bani Adiy dan Bani Ghalib tidak pula mengalami kekecewaan yang seperti itu?
4. Mungkin juga Walid bin Mughirah, Abu Jahal dan lain-lain memusuhi Nabi kerana membalas dendam di atas kematian ibu-ibu dan anak-anak gadis mereka yang telah terkorban kerana tidak terpilih sebagai isteri Abdullah!
5. Salah seorang anak Abdu Manaf bernama Hasyim dan anak-anak cucu Hasyim dinamakan Bani Hasyim. Bolehkah ahli-ahli kisah Maulud Nabi menceritakan berapa ramaikah agaknya anak-anak gadis atau perempuan-perempuan daripada Bani Hasyim yang telah mati atau terus membujang kerana kecewa tidak dapat menjadi isteri Abdullah?
6. Kalaulah diterima kisah itu maka ia bererti malam perkahwinan Abdullah dan Aminah merupakan malam perkabungan bagi penduduk Mekah! Agaknya mereka juga berkabung seperti orang-orang yang berkabung pada 10 Muharram dan menyatakan tabarra terhadap Abdullah. Apakah perkara ini sebenarnya boleh ditonjolkan sebagai keutamaan Nabi (s.a.w)? Atau ia sebenarnya merupakan tabarra dalam bentuk yang sangat cantik terhadap Nabi (s.a.w) dan ayahandanya Abdullah?

KESIMPULAN:

Daripada perbincangan yang lalu dapat disimpulkan beberapa perkara;

1. Hadits-hadits berhubung dengan Nur Muhammad tidak ada satu pun yang sahih, bahkan tidak ada satu pun yang dhaif.
2. Riwayat-riwayat tentang Nur Muhammad sebagai kejadian yang pertama diciptakan bertentangan dengan hadits-hadits sahih yang menyatakan Arasy dan Qalam sebagai kejadian yang pertama.
3. Kejadian manusia bukanlah dari Nur seperti kejadian malaikat tetapi ia dijadikan dari tanah.
4. Ada beberapa hadits sahih yang menyatakan Nabi (s.a.w) berdoa meminta supaya Allah menjadikannya Nur. Bermaksud: “Ya Allah! Jadikanlah aku Nur.” Apa artinya Nabi meminta supaya dijadikannya cahaya kalau baginda sememangnya berasal dari cahaya?
5. Hadits-hadits tentang Nur Muhammad sebenarnya merupakan rekaan orang-orang Syi’ah sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab-kitab mereka.
6. Hadits tentang Nur Muhammad adalah direka untuk meratakan jalan untuk konsep “Nur Panjtan”.
7. Perkataan ‘Nur’ yang disandarkan kepada Nabi adalah dengan artinya yang majazi (bahasa pinjaman) sebagaimana perkataan Nur juga secara majazi dipakai untuk agama, al-Quran dan lain-lain.
8. Hadits-hadits atau riwayat yang menceritakan tentang Nur Muhammad itu banyak juga menampilkan unsur-unsur tabarra (pernyataan rasa benci dan dendam kesumat) terhadap Nabi (s.a.w) dan ayahandanya.
9. Ia memuatkan banyak sekali khurafat dan mitos daripada agama dan budaya asing seperti Hindu dan lain-lain dalam merupakan Nur Muhammad sebagai rupa burung merak dan lain-lain rupa menurut kepercayaan mereka tentang *tanasukh*, *awagaman* atau *inkarnasi*.
10. Ia telah terbukti merupakan satu daripada beberapa faktor utama kesesatan golongan sesat seperti golongan Barelwi, ilmu Isi, Bathiniah dan lain-lain. Oleh yang demikian tidaklah wajar Nur Muhammad itu ditonjolkan sebagai suatu keistimewaan Nabi Muhammad malah sebaliknya kita umat Islam semestinya menganggapnya sebagai satu penghinaan terhadap Nabi kita.

